**Pelita Brunei**

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

19HB DISEMBER, 1979

بسم الله الرحمن الرحيم

## FOLLOW-UP SEMPENA TAHUN HIJRAH 1400

ESOK, Khamis bersamaan 30hb Muharram, 1400 ia-itu pada 20hb Disember, 1979 menandakan tamat-nya sambutan tahun Hijrah 1400 atau awal kurun ke-15 Hijrah di-seluroh Negeri Brunei sejak ia-nya di-lancharkan pada 1hb Muharram, 1400 bersama-an 20hb Nobember, 1979 (berjalan sa-lama sa-bulan). Sambutan yang telah kita adakan sa-chara besar2an baik di-ibu negeri, daerah atau di-kampong2 itu, pada hakikat-nya ia-lah untok menyemarakkan lagi shi'ar Islam di-negeri ini; menambah serta meningkatkan lagi kesedaran semangat berugama di-kalangan semua perengkat orang2 Islam dengan chara meluaskan ilmu dan amalan2 ajaran-nya di-perengkat rasmi atau tidak rasmi dengan setegas2-nya dan mengadakan kesan2 kenangan yang lebeh konkret terhadap kurun ke-15 yang akan menjadi ristaan baik di-kemudian hari mengenai sambutan2 tersebut.

Maksud-nya yang lebeh tepat bahawa sambutan2 Hijrah 1400 yang akan kita tinggalkan esok itu sa-lain dari membawa kenang2an atau ristaan2 yang baik, ia-nya juga tidak akan tinggal begitu sahaja. Sekurang2-nya hendak-lah kita teruskan atau amalkan serta ada follow-up-nya.

Dan amat-lah sesuai atau munasabah sekali yang sambutan2 tahun Hijrah 1400 yang berbagai bentok dan chorak itu tidak akan tinggal menjadi sa-bagai ristaan sahaja. Akan tetapi ada-lah penting jika usaha2 yang berkebajikan seumpama itu di-jadikan asas atau di-ambil tindakan berikut-nya atau follow-up. Malah momentum yang sudah di-gerakkan itu patut-lah di-kekalkan sa-hingga kita berpuas hati yang objektif2 sambutan itu benar2 telah meresap serta sebati dalam kehidupan masharakat kita di-negeri ini, terutama umat Islam sendiri. Ini ada-lah sa-lari dengan hasrat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, menjadikan Islam ugama rasmi negera dan di-jadikan suatu chara hidup yang lengkap lagi sempurna. Sekitar sambutan tersebut juga menimbulkan ilham dan tekad baru dalam menghayati Islam dan penyempurnaan tanggong-jawab.

Pengarah DBP, Awang Mahmud Haji Bakyr, ketika menyampaikan uchapan-nya di-Majlis Penyampaian hadiah2 Peraduan Menulis Skerip Drama Radio/TV, Artikel dan Cherita, sempena sambutan 1400 Hijrah, menyuarakan chadangan-nya, ia-itu, supaya skop kerjasama dalam bidang bahasa, sastera dan budaya yang dapat di-sumbangkan oleh RTB dan DBP, dalam bentok jawatankuasa itu di-jadikan sa-bagai Jawatankuasa Tetap (Standing Committee) untok membinchangkan usaha2 follow-up itu bagi meningkatkan lagi mutu drama Radio dan TV yang sesuai dengan semangat gagasan 1400 Hijrah.

Jabatan Pelajaran pula telah melancharkan sembilan achara sempena 1400 Hijrah, saperti: Kempen kebersehan, bertudong kepala, bersongkok, disiplin. Demikian juga kursus2 menghalusi sembahyang bagi guru2 di-semua daerah sa-mata2 sa-bagai persediaan mengendalikan kempen Ibadah Sembahyang Fardhu Berjemaah waktu Dzuhor dan Asar bagi sekolah2 dan maktab2 dan sembahyang Fardhu Lima Waktu bagi seluroh asrama2.

Masjid2 pula di-sarankan sa-lain untok tempat bersembahyang maka ia-nya juga dapat membuat kerja2 ibadah saperti mengadakan kelas2 ugama, membacha Kor'an, perjumpaan dengan anak2 buah kampong untok kemajuan kampong itu sendiri dan seumpama-nya.

Dalam hubongan ini ada-lah juga wajar ketua2 jabatan Kerajaan, mengadakan tempat2 ibadah di-sa-tiap pejabat Kerajaan dan demikian juga di-sharikat2 swasta atau kilang2—bagi-memudahkan pekerja2 dan pegawai2 Islam di-situ dapat menunaikan tugas ugama mereka dengan baik. Langkah2 atau usaha follow-up seumpama itu sudah tentu di-alu2kan oleh seluroh umat Islam di-negeri ini. Kita perchaya masa-alah itu akan di-ambil perhatian oleh pehak2 yang berkenaan, kerana ia-nya ada-lah menjadi tanggong-jawab bersama umat Islam.

# PADA HEMAT SAYA....

# PONDOK BAS

> "... yang saya terfikir, dan selalu benar memujok2 meyakinkan diri sendiri ia-lah: kita ini bersikap sentiasa berkebajikan. Lalu, orang2 yang tahu akan faedah dan keperluan pondok2 perhentian bas itu pun membuat-nya, dan mereka kalau bukan orang perseorangan ia-lah kumpolan orang2 yang berkebajikan."

ADA berbagai2 bas penumpang di-negeri ini. Tapi saya belum pernah menaiki-nya. Sebab itu saya tidak tahu chara dan rasa-nya.

Saya chuma boleh mengagak: Chara-nya mungkin sama saperti bas2 di-luar negeri ia-itu kita naik dan membayar tambang-nya. Dan mungkin sa-rupa pula rasa-nya ia-itu ada kala-nya kita akan bersesak2 dan terpaksa berdiri apabila ramai sangat penumpang2-nya.

Tapi yang pasti tidak sa-rupa chara dan rasa-nya ia-lah: Sa-orang boleh naik dan turun bas di-mana2 saja sa-panjang jalan pelaluan-nya.

Kechuali barangkali di-Pekan Seria/Belait, maka di-tempat2 lain saya tidak mendapati perhentian bas atau 'bus stop' yang tetap dan standard. Maksud-nya: bas2 di-atorkan mengambil dan menurunkan penumpang2 di-tempat 'bus stop' itu sahaja yang jarak-nya antara satu sama lain di-tentukan.

Yang ada ia-lah perhentian yang di-sebut pondok yang kelihatan-nya bersifat sementara, ia-itu dalam ertikata: Sa-lain pondok itu bas2 boleh berhenti mengambil dan menurunkan penumpang2 di-mana2 saja sa-panjang pelaluan-nya.

### TIDAK PASTI

Saya tidak begitu pasti mengapa pondok2 itu tidak menyeluroh dan menjadi perhentian tetap. Mungkin sa-lain antara-nya ada yang di-dirikan oleh Kerajaan ada juga yang di-adakan oleh orang atau orang2 dan kumpolan2 tertentu. Dan yang nyata-nya kerana banyak sangat 'tukang' yang membuat-nya itu-lah menjadikan usul rupa-nya berbagai2 sa-hingga tidak bersifat tetap dan standard.

Apa pun hal-nya, samada bersifat sementara atau bersifat tetap yang pasti ia di-adakan bagi kemudahan. Sekurang2-nya bagi tempat bertedoh sementara menunggu. Itu faedah-nya yang minima.

Apa hal-nya pula faedah-nya yang miksima, ia-itu umpama-nya bagi menolong melichinkan peratoran dan lalu lintas di-jalan-raya?

Saya tidak-lah tahu sa-jauh mana kejadian kemalangan jalan-raya telah melibatkan atau berpuncha sa-bahagian-nya dari bas yang bebas berhenti di-mana2 itu. Tapi saya perchaya hal itu sama berbahaya, saperti juga kenderaan biasa yang di-berhentikan tidak mengira simpang atau bukit; atau berjalan sa-kejap kira2 beberapa ela kemudian tiba2 berhenti lagi. Tentu itu membahayakan atau sekurang2-nya tidak melichinkan perjalanan lalu lintas pada keselurohan-nya.

### PERATORAN

Kerana itu saya perchaya tentu-lah ada peratoran atau sharat di-kenakan kapada bas2 itu bagi menurun-menaikkan penumpang2. Kalau tidak ada pun peratoran memadai-lah kalau pemandu-nya menggunakan sedikit pertimbangan sa-kira2 bas yang di-pandu-nya itu tidak mempesukarkan lain2 pengguna jalan raya.

Dalam keadaan kira-nya ada peratoran, pasti-lah bas2 itu di-atorkan berhenti di-perhentian2-nya yang di-sediakan. Apablia di-sediakan maka berma'ana di-tentukan dan di-tetapkan. Maka dengan itu tidak-lah mungkin ada pondok2 sementara.

Dalam keadaan kira-nya tidak ada peratoran, dan pemandu bas di-dapati bekerjasama menggunakan sedikit pertimbangan, tapi akan maseh juga terjadi kejadian berhenti di-mana2 saja itu sebab penumpang2 tidak di-atorkan naik-turun bas di-perhentian2-nya yang di-tetapkan kerana memang tidak ada perhentian-nya yang tetap dan standard.

Jadi masa'alah-nya ia-lah masa'alah mengatorkan penumpang2 supaya turut menggunakan sedikit pertimbangan dan kebijaksanaan masing2. Yang kerap berlaku ada yang sudah biasa naik di-depan rumah-nya akan minta di-turunkan pula di-situ pada hal bas baru saja bergerak belum pun sempat pemandu-nya menukar gear tiga!

Seterus-nya begitu-lah lebeh kurang hal-nya.

### MINAT

Tapi sa-jauh mana keadaan ini telah menambat minat dan perhatian kita?

Saya tidak fikir ia hanya akan menjadi bahan pemikiran sa-chara serious hanya sa-telah terjadi kejadian dahshat berpuncha daripada ketiadaan bus stop yang tetap dan standard itu. Sunggoh2 saya tidak-lah fikir begitu sekali sikap kita.

Yang saya terfikir, dan selalu benar memujok2 meyakinkan diri sendiri ia-lah: kita ini bersikap sentiasa berkebajikan. Lalu, orang2 yang tahu akan faedah dan keperluan pondok2 perhentian bas itu pun membuat-nya, dan mereka kalau bukan orang perseorangan ia-lah kumpolan orang2 yang berkebajikan. Dan begitu-lah sa-benar-nya, sa-hinggakan minggu lepas kita terdengar dan terbacha ada kumpolan kebajikan yang akan mendirikan pondok2 perhentian bas.

Kita tentu menghargai dan sama2 membanggakan sikap sentiasa berkebajikan itu. Erti-nya: *bila ada orang berbuat kebajikan dan memeduli hal2 kebajikan maka itu ma'ana-nya kita tidak sia-sia atau hampa memujok diri sendiri dengan keyakinan sentiasa berkebajikan itu yang ternyata sudah menjadi chiri terpenting dalam chara hidup kita.* Alhamdulillah begitu!

### PERSOALAN

Akan tetapi dalam masa'alah pondok bas ini yang chuba saya persoalkan bukan-lah sa-takat ada-nya pondok2 perhentian yang bersifat sementara itu. Sa-benar-nya sudah lama di-impikan ujud-nya sa-chara tetap. Dan apabila sudah ada begitu, tidak pula sa-takat usul rupa-nya kemas dan standard, di-sa-panjang pelaluan bas, dalam jarak2 yang di-tentukan; tetapi lebeh dari itu ia-lah kita mengharapkan ujud-nya itu 'berpengaroh' untok mengubah dan mengatorkan penumpang2 dan pemandu2 bas supaya tahu menghargakan-nya.

Impian dan harapan begini ia-lah kerana kita chukop berminat kapada sa-barang saloran yang boleh mendisiplinkan diri kita. Dan pondok perhentian bas atau bus stop yang tetap lagi standard di-perchayai merupakan sa-bahagian saloran itu. Sekurang2-nya kalau bukan kapada kita keselurohan-nya tapi ia-lah kapada sa-bahagian orang ramai yang terlibat dalam memberi dan menggunakan perkhidmatan bas itu.

Ini-lah lagi sa-bahagian faedah miksima kalau bus stop sedemikian itu di-adakan.

### MAMPU

Chuma yang lazim-nya pengaroh begitu tidak akan termampu di-timbulkan oleh hanya orang atau orang2 yang bersemangat kebajikan. Ia-nya bertalian dengan peranchangan, termasok umpama-nya mengubah-suai tepi2 jalan yang di-pileh untok di-jadikan tapak pondok perhentian, dan sa-lain-nya, yang terpenting ia-lah kos belanja keselurohan-nya.

Semua-nya itu tidak termampu oleh hanya tangan yang berkebajikan. Lalu kerana-nya tentu-lah di-nantikan pula tangan lain menchampuri-nya. Dan tangan yang berkemampuan itu ia-lah dalam saloran kerajaan.

Begitu-lah. Dan sa-hingga tangan yang berkemampuan itu tergerak menchampuri-nya kita tidak-lah dapat menaroh sangat harapan untok melihat chara dan rasa naik bas di-negeri kita ini sa-rupa dengan chara dan rasa yang sa-bahagian kita pernah nekmati manis-nya naik bas sa-waktu di-luar negeri.

Mungkin kalau sekarang sa-bahagian kita tidak pernah naik bas kerana belum terdesak, tapi perchaya-lah tidak semua orang yang sekarang menaiki-nya itu terdesak. Maka tidak mustahil kita pun begitu. Dan ketika itu tahu-lah kita bagaimana chara dan apa rasa-nya menumpang bas yang bebas berhenti di-mana2 menurut sa-kehendak hati penumpang atau pemandu-nya.

Mungkin begitu seronok dan selesa, sebab kita boleh naik dan turun hatta sekali pun di-depan rumah sendiri. Maka waktu itu kita mendapati tidak akan ada lagi beza naik bas dengan naik teksi sebab kedua2-nya itu kita bayar tambang-nya.

Tapi pada hemat saya, dalam keadaan itu kita tidak-lah jujor terhadap diri sendiri.—*Ketua Pegawai Penerangan.*




DI-MANA penumpang2 ini naik? Kalau ada 'bus stop' yang tetap dan di-tentukan jarak-nya mungkin bas dan muatan-nya dapat di-disiplinkan supaya tidak berhenti di-merata2 tempat dan dengan itu dapat pula melichinkan lalu-lintas.

# The National Bank's eighth branch opened

BANDAR SERI BEGAWAN. — The eighth branch of the National Bank, located at the Goodwood Industrial Complex in Jalan Gadong was officially opened last week by the Deputy President of the Bank the Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah Ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddin.

It was attended by among others the General Adviser to His Highness the Sultan and Yang Dipertuan, Pehin Orang Kaya Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awg Isa, the Mentri Besar, Legislative Councillors and senior government officials.

**THE following is the full text of the speech by the Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah at the ceremony.**

Honourable Guests, Ladies and Gentlemen, we gather here this afternoon to witness the official opening ceremony of another branch of National Bank of Brunei Limited. Members of the Board of Directors and I thank you for your attendance.

The opening of this branch is made possible by the unfailing support and the great encouragement the Bank receives from you, the customers, members of the public and last, but not least, the Government of His Highness The Sultan and Yang Dipertuan. To you and to them, may I express my deep appreciation and profound thanks.

The role of the Bank, in our view, lies beyond its commercial objective of making a profit. It has a responsibility, one which we have long recognised and pledged to do, to promote trade and commerce; to complement public economic development and to meet and match the changing demand for social and public services needed by the business community and the country. There in no place, particularly for a locally incorporated bank, to disregard this aspect of social obligation to the society and the nation.

In the past, National Bank of Brunei has repeatedly displayed this sense of responsibility by bringing banking to right where it is needed such as in Tutong, Muara Port and now in Gadong industrial Complex. Furthermore, there has been a consistent increase in the involvement of the National Bank both in extent and in depth in the economic life of the community and State over this period of time.

I can asure you that the National Bank of Brunei will respond to such needs in such areas in which it has a meaningful role to play.

The new Gadong branch conducts a comprehensive range of banking facilities and services as are available at other main offices of the Bank which now has the largest network of branches throughout the State.

I hope that the Government of His Highness The Sultan and Yang Dipertuan, members of the public and business community in Gadong will find the new banking hours convenient in meeting their needs and that they will make full use of the facilities. I have no doubt the branch will attend to their needs with the utmost of care and courtesy.

Since the branch commenced business on the 19th November 1979, the response from the public has been very encouraging and with such promising beginnings, I now declare the new Gadong Branch of the National Bank of Brunei officially open.

Thank you.



**AN Educational Expo and Seminar of the Sultan Hassanal Bolkiah Teachers Training College was held at the college in Jalan Gadong last week.**

**The Expo was opened by the General Adviser to His Highness the Sultan and Yang Dipertuan, Pehin Orang Kaya Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa while on the following day, the Director of Education, Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat declared open the seminar.**

**In the picture above the General Adviser (centre) and the Director of Education (wearing dark suit) are seen in one of the exhibition rooms during the expo. The General Adviser's wife Datin Rosnah bte Abdullah is at right.**

## GCE/CITY AND GUILDS EXAMS

BANDAR SERI BEGAWA. — The Examination Board of the Education Department is now making an arrangements to hold the GCE 'A' and 'O' levels examinations in Brunei in June next year.

Applicants for the Ordinary level subjects must have passed the Brunei Junior Certificate of Education or its equivalent while those for the Advanced level subjects must have passed at least three subjects at GCE 'O' level or its equivalent at one sitting.

All qualifications must be obtained in at least two years prior to the examinations.

In additions to those, school candidates are also asked to produce evidence of their recent studies or recommendation letters from the principals of their schools.

Those who are to take the examination privately may seek the letters of recommendation from the Supervisors of Adult Education at the S.O.A.S College, here; the Perdana Wazir English School, Kuala Belait and the Anthony Abell College in Seria.

Application forms which are available from the Board's office here should be returned together with the appropriate fees and letters of recommendation or certificates not later than January 3.

Meanwhile arrangements are also being made for the holding of the City and Guilds exams at about the same time next year.

School candidates can obtain application forms from the principals of the Sultan Saiful Rizal School of Building, the Technical Training Centre, the Jefri Bolkiah School of Engineering and the Shell Vocational Trades School.

Private candidates should apply through the Examinations Board here.

The application forms together with 'Approval to Enter Certificate', if any, issued by the City and Guilds of London Institute must be returned not later than January 3.

# Junior Clerical Examination

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Junior Clerical Examination for Grade Three Clerks of the General Clerical Service will be held on January 20 next year.

Candidates are requested to send their names through their Heads of Departments to the Director of Establishment as soon as possible and in any case not later then tomorrow.

They must state clearly their appointments, age and present salary. Those who intend to take one subject are required to state the particular subject.

# FOUR NEW MOSQUES OPENED

TUTONG. — In conjunction with the Moslem New Year of 1400 Hijrah another four mosques had been officially opened at four separate ceremonies held throughout the state recently.

One of the mosques located at the Kampong Katimahar here was opened last Friday by the Yang Amat Mulia Pengiran Lela Chetera Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar.

The one at Kampong Selangan in the Temburong District was declared open by the State Mufti, Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Haji Ismail bin Omar Haji Abdul Aziz.

The other two mosques at the Kampong Sinaut here and at the Kampong Tanah Jambu in the Brunei/Muara District were opened simultenously two weeks ago.

The one hundred and sixty thousand dollar Kampong Sinaut mosque was officiated by the former Mentri Besar, the Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohammed Yusof bin Pengiran Haji Abd Rahim.

The ceremony was attended by among others the Tutong District Officer, Awang Haji Chuchu bin Penglima Asgar Awang Haji Abdullah and the Deputy State Religious Officer, Awang Haji Yahya bin Haji Ibrahim,

The one at the Kampong Tanah Jambu was opened by the Director of Resettlement, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Mahkota Pengiran Muda Haji Kamaluddin.

It was constructed at a cost of a hundred and thirty thousand dollars and can accomodate about two hundred people.

The State Religious Officer, Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Hj Mohammed Zain, was among those who spoke at the ceremony.

Another event to mark the beginning of the century was a berzanji competition held last week at the Pengiran Anak Puteri Norain Religious School in Tutong town in which sixteen people took part.

At the same school on the following day about one hundred orphans from nineteen kampongs in the Tutong District received presents distributed by the District Officer.

In Bandar Seri Begawan, a guidance course for converts was declared open by the Chief Information Officer, Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman at the Seri Begawan Religious Teachers College.

It was attended by about one hundred converts in the Brunei /Muara District who were later presented with participation certificates by the deputy state Religious Affairs Officer, Awg Haji Yahya bin Haji Ibrahim.

In Jalan Muara, the Student Welfare Body of Technical School, held a religious oratory competition for Secondary Schools and Colleges which attracted fourteen participants.

Prizes were presented by Senior Administrative Officer of the Education Department, Awang Abd Hamid bin Ismail.

At Kampong Saba also in Bandar Seri Begawan, twenty students of the Raja Isteri Pengiran Anak Saleha Religious School, who had completed course in Quran reading were celebrated in the Khatamal Quran ceremony held at the school.

The ceremony was attended by the Chief Kathi, Pehin Datu Imam, Dato Haji Abdul Hamid bin Bakal.



**THE Chief Kathi, Pehin Datu Imam Dato Haji Abdul Hamid bin Bakal is seen at the Khatamal Quran Ceremony held at the Raja Isteri Pengiran Anak Saleha Religious School at Kampong Saba in Bandar Seri Begawan.**

# RBA charters plane to Air Lanka

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Royal Brunei Airlines recently signed an agreement with the Air Tara for the lease of one of its two Boeing 737.

Air Tara, a subsidiary of Aer Lingus Irish Airlines which specialises in the leasing of aircraft will let the Royal Brunei Airlines Aircraft together with operational crews and maintenance support to Air Lanka.

It will be chartered for two years starting on May next year and will be operated on scheduled services from Sri Lanka but will return to Hong Kong for major maintenance.

The Royal Brunei Airlines will take the delivery of its first Passenger/Cargo convertible aircraft, a Boeing 737-200QC from Boeing at the end of February next year.

The new aircraft can be converted quickly to operate as an all passenger or all cargo aircraft or as a combination of both.

This will enable Royal Brunei to provide a first class air service for the increasing amount of cargo being shipped into Brunei.

The Royal Brunei only requires the new aircraft and one other to carry out all planned passenger and cargo flights for the next three years.

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS........



HAJI ISMAIL BIN OMAR ABDUL AZIZ
(YDM. Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama)
Pehin Datu Seri Maharaja, D.K., P.S.S.U.B., D.S.L.J., S.M.B., P.H.B.S., P.I.S., Azhar dan U. Cairo, Mufti

# GALAKAN BERKAHWIN

ALLAH Ta'ala telah berfirman dalam surat Al-Hadid, ayat 27 :

وَرَهْبَانِيَّةً ابْتَدَعُوهَا مَا كَتَبْنَاهَا عَلَيْهِمْ إِلَّا ابْتِغَاءَ رِضْوَانِ اللَّهِ فَمَا رَعَوْهَا حَقَّ رِعَايَتِهَا

Tafsir-nya: *Orang2 Nasrani telah mereka-reka amalan rahbaniah yakni tiada berkehendakkan kapada perempuan dan bertapa dalam rumah2 pertapaan mereka, tiada-lah kita (Allah) mewajibkan mereka bertapa dari perempuan kerana menchari keredhaan Allah dan tiada-lah pula mereka menjaga pertapaan mereka dengan betul baik, kerana mereka kufurkan ugama Nabi Isa (alaihis salam) dan mereka kembali kapada ugama mereka yang asal.* (Dari Ibnu Kathir dan Al-Jalalain).

Orang2 Nasrani itu mereka-reka suatu perkara melawan tabiat manusia dengan bertapa dan jauh dari perempuan, kemudian mereka tinggalkan pertapaan mereka dan keluar dari ugama Nabi Allah Isa (alaihis salam) lalu kembali masok kufur semula.

Daripada sahabat Anas bin Malik (radhiallahu 'anhu) telah mengatakan bahawa : Ada-lah Nabi (sallallahu 'alaihi wasallam) menyuroh kami (sahabat) berkahwin dan menegah kami dari tiada bernikah dan tiada berkahwin dengan tegahan yang amat sangat. (Di-riwayatkan hadith Sahih ini oleh Al-Imam Ahmad dan lain2 ulama hadith).

## ORANG MUDA

Daripada sahabat Abdullah bin Mas'od (radhiallahu 'anhu) pula ia mengatakan bahawa: Rasulullah (sallallahu 'alaihi wasallam) telah bersabda kapada kami (sahabat):

يَا مَعْشَرَ الشَّبَابِ مَنِ اسْتَطَاعَ مِنْكُمُ الْبَاءَةَ فَلْيَتَزَوَّجْ فَإِنَّهُ أَغَضُّ لِلْبَصَرِ وَأَحْصَنُ لِلْفَرْجِ وَمَنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَعَلَيْهِ بِالصَّوْمِ فَإِنَّهُ لَهُ وِجَاءٌ

Erti-nya: *Hai para orang2 muda barangsiapa dari kalangan kamu berdaya mengadakan belanja kahwin, maka hendak-lah kamu kahwin, kerana nikah itu lebeh pada menundokkan pandangan, dan lebeh menyelamatkan akan kemaluan. Barangsiapa tiada dapat belanja kahwin (bukan hantaran), hendak-lah ia puasa, kerana puasa itu bagi-nya menjadi ubat dan penawar.* (Di-riwayatkan hadith Sahih ini oleh Al-Imam Al-Bukhari dan Muslim).

Daripada sahabat Anas bin Malik (radhiallahu 'anhu) bahawa Nabi (sallallahu 'alaihi wasallam) telah beruchap memuji Allah dan membesarkan-nya, kemudian Baginda bersabda :

لَكِنِّي أَنَا أُصَلِّي وَأَنَامُ وَأَصُومُ وَأُفْطِرُ وَأَتَزَوَّجُ النِّسَاءَ فَمَنْ رَغِبَ عَنْ سُنَّتِي فَلَيْسَ مِنِّي

Erti-nya : *Tetapi saya sembahyang, tidor, berpuasa, berbuka puasa dan berkahwin dengan perempuan, maka barangsiapa tiada sukakan perjalanan saya maka ia bukan dari golongan saya.* (Di-riwayatkan oleh kedua2 Al-Imam Bukhari dan Muslim).

Daripada Abi Ayyub sa-chara marfu'an di-riwayatkan :

أَرْبَعٌ مِنْ سُنَنِ الْمُرْسَلِينَ الْخِتَانُ وَالسِّوَاكُ وَالتَّعَطُّرُ وَالنِّكَاحُ

Erti-nya : *Empat perkara dari perjalanan Nabi2 Mursalin : berkhitan, bersiwak (gusok gigi) berwangi2 dan berkahwin.* (Di-riwayatkan oleh Al-Imam At-Tirmizi).

Daripada Saib bin Jubair ia mengatakan : Sahabat Ibni Abbas berkata kapada saya : Sudah-kah kamu kahwin?. Saya menjawab : Tiada. Kata-nya lagi : Kahwin-lah kamu kerana bahawa sa-baik2 orang dalam umat Islam yakni Nabi (sallallahu 'alaihi wasallam) ada-lah orang yang lebeh banyak isteri. (Di-riwayatkan oleh Al-Imam Al-Bukhari).

## PEREMPUAN PILEHAN

Daripada sahabat Anas bin Malik (radhiallahu 'anhu) pula berkata : Rasulullah (sallallahu 'alaihi wasallam) bersabda : Erti-nya: Kahwin-lah kamu akan perempuan yang peranak dan pengaseh, kerana saya berbangga dengan banyak bilangan kamu pada hari kiamat di-hadapan umat Nabi yang dahulukala. (Di-riwayatkan oleh Al-Imam Ahmad dan lain2).

Daripada Harmalah bin An-Nu'man mengatakan dengan lafaz :

امْرَأَةٌ وَلُودٌ أَحَبُّ إِلَى اللهِ مِنِ امْرَأَةٍ حَسْنَةٍ لَمْ تَلِدْ إِنِّي مُكَاثِرٌ بِكُمُ الْأُمَمَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ

Erti-nya : *Perempuan yang peranak lebeh kaseh kapada Allah daripada perempuan yang molek tiada peranak, kerana saya berbangga dengan ramai-nya bilangan kamu pada hari kiamat di-hadapan umat2 Nabi yang dahulu kala.* (Di-riwayatkan oleh Al-Imam Ad-Dara Qutni dan Ibni Qani').

Ulama berpendapat : Ada-lah hikmat rahsia pada ramai-nya bilangan isteri Rasulullah (sallallahu 'alaihi wasallam) itu ia-lah supaya menggemarkan umat Islam pada membanyakkan bilangan umat Islam.

Daripada Syeditina Aisah (radhiallahu 'anha) marfu'an atau mursalan :

تَزَوَّجُوا النِّسَاءَ فَإِنَّهُنَّ يَأْتِينَكُمْ بِالْمَالِ

Erti-nya : *Kahwin-lah kamu akan perempuan, kerana perempuan itu membawakan kamu pada mendapatkan harta.* (Di-riwayatkan oleh Al-Imam Al-Hakim dan Abu Daud dan Ad-Dara Qutni berkata hadith ini mausul).

Daripada sahabat Abi Hurairah (radhiallahu 'anhu) marfu'an :

ثَلَاثَةٌ حَقٌّ عَلَى اللهِ إِعَانَتُهُمُ الْمُجَاهِدُ فِي سَبِيلِ اللهِ وَالنَّاكِحُ يُرِيدُ أَنْ يَسْتَعِفَّ وَالْمُكَاتَبُ يُرِيدُ الْأَدَاءَ

Erti-nya : *Tiga jenis orang Allah berjanji akan menolong mereka: orang yang mujahid fi sabilillah (berjuang di-jalan Allah), orang yang hendak kahwin dengan tujuan hendak menjaga diri dari kejahatan, dan orang mukatab yang hendak membayar bayaran ansoran kitabah hamba.* (Di-riwayatkan oleh Al-Imam An-Nasa'i dan At-Tirmizi dan Ad-Dara Qutani dan telah di-tashihkan oleh Al-Hakim).

## PEREMPUAN SALEH

Daripada sahabat Amru Ibni Al-'As marfu'an :

الدُّنْيَا مَتَاعٌ وَخَيْرُ مَتَاعِهَا الْمَرْأَةُ الصَّالِحَةُ

Erti-nya : *Dunia itu barang pergunaan dan sa-baik2 barang pergunaan itu ia-lah perempuan yang saleh.* (Di-riwayatkan hadith ini oleh Al-Imam Muslim).

Daripada sahabat Anas murfu'an :

حُبِّبَ إِلَيَّ مِنَ الدُّنْيَا النِّسَاءُ وَالطِّيبُ وَجُعِلَ قُرَّةُ عَيْنِي فِي الصَّلَاةِ

Erti-nya : *Saya di-beri kesukaan dari dunia itu ia-lah pada perempuan dan wangi2an, dan di-jadikan kesukaan saya pada sembahyang.* (Di-riwayatkan oleh Al-Imam An-Nasa'i dan Isnad-nya Hasan dan At-Tabarani).

Daripada sahabat Ibni Abbas marfu'an :

أَلَا أُخْبِرُكُمْ بِخَيْرِ مَا يَكْنِزُ الْمَرْءُ الْمَرْأَةُ الصَّالِحَةُ إِذَا نَظَرَ إِلَيْهَا سَرَّتْهُ وَإِذَا غَابَ عَنْهَا حَفِظَتْهُ وَإِذَا أَمَرَهَا أَطَاعَتْهُ

Erti-nya : *Tidak-kah saya khabarkan kapada kamu akan sa-baik2 pertaruhan: ia-lah isteri yang salehah, apabila ia melihat akan dia, maka ia menggembirakan-nya, dan apabila ia ghaib daripada-nya maka ia memeliharakan hak2 suami-nya, dan apabila ia menyuroh akan dia, maka ia taatkan suami-nya.* (Di-riwayatkan oleh Al-Imam Abu Daud dan Al-Hakim).

Daripada sahabat Abi Najih marfu'an :

مَنْ كَانَ مُوسِرًا فَلَمْ يَنْكِحْ فَلَيْسَ مِنَّا

Erti-nya : *Barangsiapa ada kesenangan, tetapi ia tiada kahwin maka bukan-lah ia dari golongan kita.* (Di-riwayatkan oleh Al-Imam Al-Baghawi dan berkata Al-Imam Al-Baihagi bahawa hadith ini hadith mursal).

Daripada sahabat Ibni Abbas marfu'an :

لَمْ يُرَ لِلْمُتَحَابِّينَ مِثْلُ التَّزْوِيجِ

Erti-nya : *Tiada-lah di-lihat pada orang2 yang berkaseh itu saperti kaseh pada kahwin.* (Di-riwayatkan oleh Al-Imam Ibnu Majah dan Al-Hakim).

## DI-TEGAH MEMBUJANG

Daripada sahabat Ibni Abbas marfu'an :

لَا صَرُورَةَ فِي الْإِسْلَامِ

Erti-nya : *Tiada-lah ada orang bertapa dari perempuan dalam Islam (tiada berkahwin).* (Di-riwayatkan oleh Al-Lmam Abu Daud dan Al-Hakim dan At-Tabarani).

Daripada At-Tabi'i Al-Jalil Hasan (Al-Basri) daripada sahabat Samurah : Bahawa Nabi (sallallahu 'alaihi wasallam) menegah dari tabattul yakni jauh dari perempuan (tiada berkahwin). Di-riwayatkan oleh Al-Imam At-Tirmizi dan Ibnu Majah).

Daripada sahabat Aishah saperti hadith ini (menegah tabattul). (Di-riwayatkan oleh Al-Imam At-Tirmizi dan An-Nasa'i).

Ini-lah sa-bahagian besar hadith2 Rasulullah (sallallahu 'alaihi wasallam) dan athar sahabat2 (radiallahu 'anhu) dalam perkara menyuroh dan menggemarkan umat Islam berkahwin atau mendirikan rumah tangga dan menyuroh beranak pinak, berchuchu chichit dan menegah dari bujang atau tiada mahu berkahwin dan tiada mahu berumah tangga dan tiada mahu berzuriat menurut saperti kelakuan orang2 mushrikin yang tiada mahu bertanggong-jawab kerana takutkan papa, miskin merosot ekonomi, kelaparan dan sebagai-nya dari perkara yang di-awang2an, yang belum tentu akan berlaku-nya. Perkara2 itu bertentangan dengan ajaran Allah yang menjamin tiap2 hamba-nya akan di-beri rezeki mengikut muslihat hamba itu sendiri.

WALLAHU A'ALAM.



ORANG2 muda di-suroh berkahwin kerana perkahwinan itu akan melindongi mereka dari godaan2 dan menyelamatkan kehormatan mereka.

# TAUBAT

MARI-LAH kita bertaqwa kapada Allah dengan mengerjakan segala surohan-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya, dan jangan-lah kita mati melainkan dalam keadaan kita tetap di-atas pegangan yang hak ia-itu ugama Islam. Mudah-mudahan dengan demikian Allah akan menjadikan kita hamba-Nya yang di-redhai-Nya di-dunia dan akhirat.

Kita manusia di-namakan manusia atau insan kerana sifat-nya yang selalu pelupa dan lalai — penyakit lupa dan lalai ini ada-lah anugerah Allah Ta'ala yang sa-mula jadi. Dengan penyakit ini-lah manusia dalam di-timbang untok men-jadi baik atau menjadi jahat — kerana apa-bila manusia lupa dan lalai maka sentiasa-lah shaitan dan iblis meng-goda-nya lalu tiada-lah ia tahu batas salah dan benar, jikalau tiada ia dapat mengingat atau sedar kembali dari-pada alam lupa dan alam lalai itu maka ia akan terus berjalan dalam alam itu sa-hingga menempoh aki-bat yang akan me-rosakkan diri-nya dan akal fikiran-nya.

Sa-orang manusia apabila sudah terlanjur dalam alam lupa dan kelalaian, lalu mem-buat kesilapan2 yang di-larang oleh Allah dengan iman kesedar-an-nya terhadap diri-nya sa-bagai hamba Allah akan lekas2 su-rut kembali kapada jalan yang sa-benar, jalan yang di-suroh oleh Allah s.w.t. untok ia melalui-nya — balek kembali tidak mau mengulangi lagi ke-silapan2 itu — dan terus tetap berjalan di-jalan yang lurus yang di-redhai oleh Allah. Ini-lah di-nama-kan "taubat".

Saidina Ali bin Abi Talib r.a. mengertikan taubat itu kapada enam ma'ana:

Pertama — berhenti daripada membuat dosa dengan penyesal-an.

Kedua — mengganti sa-mula kewajipan yang telah di-tinggal-kan.



Ketiga — Memulangkan sa-mula perkara yang di-ambil dengan chara aniaya.

Ke-empat — Sentiasa membuat keta'atan saperti dahulu ia sentiasa membuat maksiat.

Kelima — Merasakan dalam diri-nya kepahitan berbuat ta'at saperti ia merasakan kemanisan berbuat maksiat dahulu-nya.

Ke-enam — Menangis sa-bagai ganti kapada ke-tawa di-masa berbuat mak-siat.

Adapun pengertian tau-bat yang sa-bentar meng-ikut masa senang dan masa susah ia-itu kalau masa di-timpa susah baharu-lah ingat kapada Allah dan beribadat dengan sempurna dan kalau masa senang lupakan Allah dan lupakan ibadat, atau bertaubat itu sa-bentar kemudian ber-buat maksiat sa-mula ber-kali-kali maka tiada-lah dapat di-maknakan taubat atau kembali kapada Allah.

Berkenaan chontoh ber-taubat ini mari-lah kita mendengar cherita sa-orang tabien besar yang mashor bernama Al-Hassan Al-Basri di-cheritakan oleh As-Sheikh Al-Imam Abi Ansar Al-Arkandi kata-nya:

Pada masa muda-nya Al-Hassan Al-Basri ini sa-orang yang suka berpoya-poya dengan pakaian yang indah2, melaram ka-sana-sini di-bandar Basrah, pada suatu hari, Al-Hassan Al-Basri terjumpa sa-orang wanita yang chantek, me-narek dan terpikat-lah Al-Hassan Al-Basri akan perempuan itu lalu meng-ekori-nya dari belakang. Wanita itu sedarkan diri-nya di-ekori oleh Al-Has-san Al-Basri lalu ia ber-paling dan bertanya kapada Al-Hassan Al-Basri.

Tidak-kah tuan berasa malu?

Lalu di-jawab oleh Al-Hassan Al-Basri: Malu kapada siapa? Di-jawab oleh wanita itu: Malu ka-pada Allah yang sentiasa tahu perbuatan mana yang jahat dan yang di-simpan oleh hati.

Maka terasa-lah ia akan sindiran wanita itu dalam hati-nya, tetapi Al-Hassan Al-Basri ini tidak sabar dan tidak dapat menahan hati lalu terus mengekori wanita itu. Maka di-tanya oleh wanita itu. Mengapa tuan datang juga? Jawab Al-Hassan Al-Basri: saya terpikat kapada mata mu. Maka kata wanita itu: Tunggu sa-bentar nanti saya akan hantar apa yang tuan mahu itu.

Al-Hassan Al-Basri te-rus menyangka wanita itu pun turut jatoh hati kapada-nya. Lalu ia dudok menunggu. Kemudian da-tang-lah sa-orang perem-puan lain ia-itu surohan wanita tadi membawa sa-biji dulang yang di-tutop dengan sapu tangan. Apa-bila di-buka oleh Al-Has-san Al-Basri dulang itu, maka di-dapati-nya dua biji mata perempuan itu terletak di-bawah sapu tangan itu. Lalu orang surohan itu berkata: tuan saya tidak mahu mem-punyai mata yang memikat hati orang lain.

Apabila Al-Hassan Al-Basri melihat dua biji mata dan mendengar kata2 perempuan surohan itu menggeletar-lah kulit-nya lalu memegang janggut-nya seraya berkata: wahai engkau (yaani diri-nya sendiri) yang mempunyai janggut pada hal lidah rendah harga diri-nya dari-pada wanita.

Lalu menyesal-lah ia dan bertaubat dari sejak itu, kemudian balek ka-rumah sambil menangis. Pada esok-nya ia datang ka-rumah wanita itu untok memohon ampun. Tetapi di-lihat-nya pintu rumah wanita itu tertutop dan orang ramai menangis.

Wanita yang menchong-kel mata itu rupa-nya sudah meninggal dunia. Maka menangis-lah Al-Hassan Al-Basri sa-lama tiga hari tiga malam.

Pada malam yang ketiga ia bermimpi wanita itu sedang dudok di-dalam shorga maka berkata ia dalam mimpi-nya itu ka-kapada perempuan: beri-kan-lah aku keampunan — perempuan itu menjawab: aku tidak berhalangan ke-rana aku telah mendapat suatu yang lebeh baik daripada Allah dengan sebab perbuatan mu itu. Al-Hassan Al-Basri berkata lagi: berikan aku nasehat. Wanita itu berkata:

Kalau engkau bersendiri-an ingat-lah kapada Allah, kalau engkau berada di-waktu pagi dan waktu petang meminta ampun-lah kapada Allah dan ber-taubat-lah kapada Allah.

Al-Hassan Al-Basri me-nerima nasehat wanita itu dan sejak itu jadi-lah Al-Hassan Al-Basri orang yang saleh, yang taqwa dan akhir-nya menjadi sa-orang yang terkenal dengan sifat jihad dan ta'at yang susah untok di-banding.

Saudara2 umat Islam, mari-lah kita mengambil chontoh dari kesah yang menyayat hati ini — dan insaf-lah kita, mudah-mudahan kita di-korniai rahmat oleh Allah s.w.t.

## Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

**Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 19hb Disember, 1979 hingga ka-hari Selasa 25hb Disember, 1979 ada-lah saperti di-bawah ini: —**

| *Hari Bulan* | *Dzuhor* | *Asar* | *Magrib* | *Isha* | *Imsak* | *Suboh* | *Matahari Terbit* |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 19hb Dis | 12.23 | 3.42 | 6.18 | 7.33 | 4.49 | 5.04 | 6.22 |
| 20hb Dis | 12.23 | 3.42 | 6.18 | 7.33 | 4.49 | 5.04 | 6.22 |
| 21hb Dis | 12.26 | 3.45 | 6.21 | 7.36 | 4.52 | 5.07 | 6.25 |
| 22hb Dis | 12.26 | 3.45 | 6.21 | 7.36 | 4.52 | 5.07 | 6.25 |
| 23hb Dis | 12.26 | 3.45 | 6.21 | 7.36 | 4.52 | 5.07 | 6.25 |
| 24hb Dis | 12.26 | 3.45 | 6.21 | 7.36 | 4.52 | 5.07 | 6.25 |
| 25hb Dis | 12.26 | 3.45 | 6.21 | 7.36 | 4.52 | 5.07 | 6.25 |

**Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.**

**Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12.45 tengah hari.**

**Bingkisan minggu ini**

# MALU SA-BAIK2 SIFAT DALAM DIRI MANUSIA

DALAM kehidupan sa-hari-hari ten-tu-nya kita pernah mendengar orang tua2 kita menegor dan me-nasehati anak2-nya su-paya berkeolehan baik. Ini ada-lah sa-mata-mata untok mengelak-kan anak2 tersebut da-ri melakukan sa-suatu yang tidak di-ingini, yang mana akan men-chemarkan nama baik keluarga. Tindakan2 ini di-ambil berdasar-kan kapada peristewa2 yang pernah menimpa orang lain, di-mana orang akan menyebut-nyebut nama indong-bapa jika anak2-nya melakukan sa-suatu kechurangan yang me-malukan.

"Eh, andang-nya anak si-anu atu, inda pemalu bah tu". Ani-tah yang selalu ki-ta dengar apabila sa-orang kanak2 itu me-lakukan sa-suatu ke-churangan. Dan ani-tah jua yang di-sangga-sanggakan oleh sa-tiap indong-bapa.

Jadi-nya, langkah yang mula2 di-ambil ia-lah de-ngan menasehati dan mene-gor mana yang kurang manis di-pandang mata. Dan juga menekankan ja-ngan sa-kali-kali memalu-kan indong-bapa. Adapun yang di-maksudkan dengan ibubapa kita itu ia-lah; su-paya kita jangan sa-kali-kali melakukan sa-suatu yang sumbang di-pandang masharakat, yang mana bertentangan pula dengan ajaran2 Ugama Islam. Dan kalau kita gagah-gagahi ju-ga melakukan-nya ini ber-makna kita ada-lah sa-ba-gai orang yang tidak pema-lu, kerana dengan begitu mudah 'menchonteng arang ka-muka keluarga'.

Ini-lah akibat2 orang yang tidak pemalu; berani membuat sesuatu itu de-ngan mengikut kehendak hati dan keinginan nafsu, tanpa menghiraukan aki-bat2 yang akan di-terima.

Chuba kita tanya pada diri sendiri; apa-kah kita mahu di-katakan sa-bagai orang yang tidak pemalu? Dan apa-kah kita mahu di-marahi oleh indong-bapa kerana sikap dan keolahan kita yang tidak pemalu itu? Tentu-nya kita tidak mahu. Oleh itu hendak-lah kita sentiasa berhati-hati dalam mengharungi arus kehidup-an ini, agar dengan itu kita akan terhindar dari di-ka-takan sa-bagai orang yang tidak pemalu dan orang yang memalukan indong-bapa. Dan juga agar kita akan terhindar dari sindir-an Hadith Rasulullah s.a.w. yang di-riwayatkan oleh Iman Bukhari yang ber-maksud: *"Kalau tidak tahu malu, berbuat-lah sa-ke-hendak hati mu"*.

Hadith ini lebeh banyak merupakan chabaran kapa-da kita daripada tegahan. Dan sa-olah-olah menguji sa-jauh mana ketegohan kita dalam mengharungi aneka pencharoba. Apa-kah kita dapat di-harapkan oleh indong-bapa kita un-tok menyangga-nyangga da-ri sa-suatu yang tidak di-ingini? Terpulang-lah ka-pada kita untok menyahut chabaran ini.

Tentu-nya kita tahu yang mana baik dan yang mana tidak baik, yang mana patut di-buat dan yang mana pula patut di-tinggal-kan. Dan membuat sa-suatu yang memalukan ada-lah sa-suatu yang tidak baik.

"Malu-lah sedikit dengan jiran2, malu-lah sedikit de-ngan keluarga". Demikian antara nasehat2 yang patut di-ikuti.

Para ulama sa-pakat me-ngatakan bahawa sifat ma-lu itu ada-lah sa-baik-baik sifat yang harus di-mileki oleh manusia yang waras fikiran dan lurus perjalan-an-nya. Manusia2 belum boleh di-anggap sempurna akhlak-nya sa-lagi belum bersifat dengan sifat malu.

Sabda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud: *"Sifat malu itu segala-gala-nya baik. Sifat malu itu menda-tangkan yang baik sa-mata-mata"*.

Sabda-nya lagi: *"Malu itu sa-bahagian daripada Iman"*

Memandang kapada pe-negasan2 ini, maka sa-wa-jar-nya-lah kita memileki sifat malu ini dan tahu pula menaroh letak dudok-nya, agar jangan sampai kita melakukan perkara2 yang bertentangan dengan prin-sip2 kemanusiaan dan ke-islaman.

Dan ingat-lah bahawa pengaroh tidak malu ini akan terus hidup dan men-chabar susunan masharakat dunia hari ini, dan penga-roh-nya akan terus berke-kalan dan terus bertentang-an dengan pengaroh malu pada hari ini, esok dan sa-terus-nya pada bila2 masa pun. Oleh yang demikian berhati-hati-lah dalam menghadapi liku2 hidup ini agar kita tidak akan di-ka-tegorikan sa-bagai orang2 yang tidak pemalu.

# DUA MAJLIS KHATAMAL KOR'AN SEMPENA 1400 H

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dua majlis Khatamal Kor'an berasingan sempena menyambut Tahun Hijrah 1400, telah di-langsongkan di-Sekolah Ugama Raja Isteri Pengiran Anak Saleha sini dan di-Sekolah Ugama Paduka Seri Begawan Sultan, di-Kuala Belait, baru2 ini.

Tetamu kehormat di-majlis itu ia-lah Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Abdul Hamid bin Bakal dan Pemangku Pegawai Daerah Belait, Pg Idriss ibni Pengiran Temanggong Pg Haji Mohammad.

Sa-ramai 20 orang penuntut2 di-Sekolah Ugama Raja Isteri Pengiran Anak Saleha dan Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Masna telah mengambil bahagian di-Majlis Kahtamal Kor'an, yang telah dilangsongkan di-Sekolah Ugama Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Kampong Saba pada hari itu.

Dalam kata alu2an-nya dibuku ranchangan Majlis Khatamal Al-Kor'an di-Sekolah Ugama Kampong Saba itu, Ketua Pelajaran Ugama Brunei, Awg Haji Abdul Saman bin Kahar menyatakan bahawa para ibu bapa yang anak2-nya terpileh dan dapat mengambil bahagian dalam majlis tersebut pada hari itu ada-lah sangat2 bertuah dan berbesar hati kerana anak2 mereka telah berkebolehan dalam pembachaan Kor'an.

Dengan sempena majlis itu, mudah2an akan menjadi chontoh dan tauladan kapada anak2 kita terutama kapada ibu bapa supaya akan berusaha dan menggalakkan anak2 mereka dengan menyuroh belajar membacha kitab suchi Kor'an demi untok masa depan mereka menchapai kesempurnaan dunia dan akhirat, jelas-nya.



PEHIN Datu Imam Dato Paduka Seri Setia, sa-bagai tetamu kehormat di-Majlis Khatamal Kor'an di-Sekolah Ugama Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Kampong Saba, sedang menabor beras kuning kapada peserta lelaki sa-jurus sa-telah 'Ya habibi Ya Muhammad' di-laongkan oleh pedzikir2 yang membawakan lagu 'Marhaban'.



SA-BAHAGIAN dari murid2 perempuan yang mengambil bahagian dalam Khatamal Kor'an, di-Kampong Saba, di-ambil ketika majlis itu sedang berjalan, sa-orang demi sa-orang membacha ayat2 suchi Al-Kor'an.

# PERADUAN MEMBACHA KHUTBAH ANTARA SEKOLAH2

JALAN MUARA. — Pertandingan Membacha Khutbah antara sekolah2 menengah dan maktab2 bagi Daerah Brunei dan Muara berlangsong di-Dewan Sekolah Bangunan Sultan Saiful Rizal di-sini pada hari Jumaat 9hb Disember lalu.

Pertandingan yang buat kali pertama-nya di-adakan sempena Sambutan Tahun Hijrah 1400 itu telah dikelolakan oleh Badan Kebajikan Penuntut-penuntut Pusat Latehan Teknikal.

Antara lain tujuan diadakan pertandingan itu ia-lah untok membayangkan rasa kesedaran yang bertanggong-jawab yang tidak terhingga dalam mempeluaskan kegiatan2 ugama di-negeri ini.

Di-samping itu ia-nya juga bertujuan untok memperlihatkan kematangan para penuntut2 yang mengambil bahagian mengenai kebolehan mereka, kebijaksanaan satu-satu penerangan yang berkebajikan yang berupa ajaran, nasehat, tauladan2 dan amalan2 berguna untok dunia dan akhirat.

Sa-ramai 12 orang penuntut dari sekolah2 menengah dan maktab2 di-daerah ini telah mengambil bahagian dalam peraduan tersebut yang mana ia-nya telah dirasmikan oleh Pegawai Pentadbir Kanan Jabatan Pelajaran, Awang Abdul Hamid bin Ismail dan beliau juga telah menyampaikan hadiah2 kapada pemenang2 di-akhir pertandingan.

Tempat pertama dalam pertandingan itu telah dimenangi oleh penuntut dari Sekolah Inggeris Berakas, Awang Abd Saman bin Ahmad dengan mendapat markah 84 peratus sementara tempat kedua jatoh kapada Awang Aji bin Othman dari Pusat Tingkatan Enam dengan mendapat markah 83.34 peratus dan tempat ketiga di-menangi oleh Awg Mahmud bin Garing dari Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan Sultan dengan mendapat markah 83.14 perat.s.

Pemenang tempat pertama dan kedua di-samping menerima oskar mereka juga menerima piala rebutan yang mana hadiah bagi johan telah di-sumbangkan oleh Pengarah Pelajaran Brunei, Dato Seri Laila Jasa, Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat sementara hadiah naib johan telah disumbangkan oleh Penolong Penyusun Pelajaran Teknikal, Awang Mustapha bin Abu Bakar.

Pertandingan pada petang itu juga telah di-serikan dengan persembahan nashid dari Badan Ugama dan Akhlak Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan Sultan dan persembahan hadzrah dari penuntut sekolah Inggeris Berakas dan bachaan Al-Kor'an oleh Dayang Laminah bte Haji Mohammad.





PEMENANG pertama dalam pertandingan membacha khutbah: Awang Abdul Saman bin Ahmad, sedang menerima piala dari Pegawai Pentadbir Pelajaran, Awang Abdul Hamid Ismail atas kiri, atas kanan ia-lah Awang Mahmud bin Garing, pemenang ketiga sementara kedua2 gambar bawah ia-lah peserta yang mengambil bahagian dalam pertandingan tersebut sedang membacha khutbah di-atas membar.





# Mengharapkan pelajar2 Islam menyedari hakikat Islam



Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat.

**TUTONG. — Penglibatan pelajar2 dari sekolah2 dan maktab2 negeri ini dalam achara2 sambutan tahun baru Hijrah 1400 di-harapkan dapat memberikan ketegasan sikap pelajar2 Islam dalam menghayati ugama yang mereka anut itu.**

**Untok ini, pehak pelaksana sa-tiap langkah yang akan di-ikut oleh pelajar2 itu, mesti-lah bersikap serious dan pupus dalam segala2-nya baik dari segi fikiran, perchakapan, perbuatan dan amalan serta perlaksanaan.**

Demikian di-tegaskan oleh Pengarah Pelajaran, Dato Seri Laila Jasa Awang Hj Ahmad bin Haji Jumat dalam majlis pelancharan kempen ibadah sembahyang fardhu berjemaah di-sekolah2, maktab2 dan asrama2 yang berlangsong di-Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Nor'ain di-sini minggu lalu.

Menurut beliau, di-sepanjang sambutan tahun baru hijrah 1400, Jabatan Pelajaran telah melaksanakan sembilan achara yang keselurohan-nya untok di-jiwai oleh guru2, pelajar2 dan pegawai2 yang ada dalam jawatan tersebut.

Antara achara itu, katanya, ia-lah kempen kebersehan bagi kawasan sekolah2 dan maktab2, kempen bertudong kepala dan bersongkok bagi penuntut2 dan murid2 serta guru2, kempen ibadah/daawah dan disiplin.

Untok guru2 di-semua daerah, kursus2 menghalussi sembahyang telah pun dilaksanakan sa-bagai persediaan kapada mereka mengendalikan kempen ibadah sembahyang fardhu berjemaah waktu dzuhur dan 'asar bagi sekolah2 dan maktab2 dan sembahyang fardhu lima waktu bagi asrama2.

Pengarah Pelajaran itu menjelaskan bahawa dalam mengelolakan sembilan achara itu, Jabatan Pelajaran berhasrat untok menekankan lagi perasaan kechintaan terhadap Ugama Islam dan mempraktikannya di-kalangan penuntut2 dan murid2 sekolah.

Di-samping itu, kata-nya, ia-nya juga di-harapkan akan dapat menimbulkan dan mempersembahkan sasuatu yang penting yang berunsor Ugama saperti kebersehan sa-tempat dan diri penuntut2/murid2 sendiri.

Dari kesembilan2 achara itu juga di-harapkan beliau akan dapat melahirkan sikap penuntut2 supaya satiap masa akan berdisiplin atau bertata-tertib dalam sa-tiap waktu baik dalam sebarang apa jua majlis termasok-lah waktu di-rumah dan di-sekolah2.

Mengenai dengan kepupusan penchapaian tujuan2 itu, Pengarah Pelajaran itu menekankan bahawa ia-nya ada-lah bergantong berat kapada para pelaksana daripada pengamal atau penerima.

"Penerima ada-lah maseh dalam generasi persekolahan merupakan passif saja dalam sekim *bentok-membentok* ini mereka hanya menunggu bentokan dan si-pelaksana yang membuat bentok", tegas Pengarah Pelajaran itu.

Menurut-nya lagi, achara2 yang kita ranchang dan susun bagi menyambut tahun baru hijrah ada-lah berintikan amalan atau mengamalkan perkara yang sewajib di-laksanakan, misal-nya yang berkaitan dengan peratoran dan atoran2 sekolah.

"Peratoran di-chipta bukan bertujuan untok mengongkong dan mengikat sa-seorang sahingga tidak boleh bergerak langsong. Peratoran di-perlukan untok menentukan garis2 tempat berpijak dan berjalan supaya kita tidak tergelinchir dari landasan kehidupan kita", ujurnya.

Maka itu, kata-nya apa yang perlu di-titek-beratkan ia-lah pelaksanaan atau pengalaman peratoran tersebut.

Sebab itu, beliau mementingkan perlu-nya sikap serious, pupus dalam segala2-nya mahu pun dari segi fikiran, perchakapan, perbuatan, amalan dan perlaksanaan supaya nanti kita hanya berbalek ka-pangkal jalan jika terhandat dan terpaksa, dan mengeloh "kita hanya sa-orang makhlok Allah".

# RANCHANGAN TV MINGGU INI

Pehak Radio Talivishen Brunei berhak untok menukar mana2 jua ranchangan yang di-fikirkan perlu tanpa memberi tahu terlebeh dahulu.

## RABU — 19HB DIS.

**PETANG**

5.45 PEMBUKAAN
5.46 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
5.58 SUSUNAN RANCHANGAN
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 STAR TREK — "Requiem for Methesulah"
6.18 AZAN MAGHRIB
6.22 STAR TREK — sambongan
6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

**MALAM**

7.10 BEWITCHED — "Samantha's Supermaid" Untok mengambil hati Darrin, Samantha dengan hati yang berat mengambil orang gaji.
7.33 AZAN ISHA
7.37 BEWITCHED — sambongan
7.40 WHO PAYS THE FERRYMAN? — Episod 3 "The Long Shadow" Haldane tidak berani menyatakan yang sa-benar-nya pada kekaseh-nya yang baru, kini menghadapi kesulitan lagi kerana kedatangan kekaseh lama-nya.
8.30 WARTA BERITA
8.45 MAJALLAH BRUNEI
9.05 PERKEMBANGAN UGAMA ISLAM DI-BRUNEI "Islam Dalam Dasar Pentadbiran Negeri Brunei"
9.25 SHOW OF THE WEEK: Val Doonican
10.15 GUSTI
10.05 PETIKAN DARI AL-KORAN
11.17 SIARAN TAMAT.

## KHAMIS — 20HB DIS.

**PETANG**

5.45 PEMBUKAAN
5.46 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
5.58 SUSUNAN RANCHANGAN
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 BIG BLUE MARBLE
6.18 AZAN MAGHRIB
6.22 BIG BLUE MARBLE — sambongan
6.30 DR. WHO — "The Seeds of Doom" Bahagian 2.
6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

**MALAM**

7.10 HIDAYAT
7.33 AZAN ISHA
7.37 HIDAYAT — sambongan
7.40 LUCAN — "Nightmare"
8.30 WARTA BERITA
8.45 DOCUMENTARY: Traditional World of Islam "Nomad and City"
9.15 TAYANGAN GAMBAR MELAYU
11.15 PETIKAN DARI AL-KORAN
11.27 SIARAN TAMAT.

## JUMAAT — 21HB DIS.

**PETANG**

5.15 PEMBUKAAN
5.16 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
5.28 SUSUNAN RANCHANGAN
5.30 FAMILY CLASSICS— "Tom Sawyer" Keseronokan hidup di-sa-panjang Mississippi di-zaman2 dahulu di-gambarkan dengan indah sekali dalam bentok animasi dari cherita Mark Twain yang tak lapok dek zaman.
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 UNDER THE SAME SUN
6.21 AZAN MAGHRIB
6.25 UNDER THE SAME SUN — sambongan
6.30 FAMOUS FIVE — "Five Get Into Adventure" — Bahagian 2
6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

**MALAM**

7.10 ANIMAL WORLD — "Baboons of African Savannah"
7.36 AZAN ISHA
7.40 THE DONNY AND MARIE SHOW
8.30 WARTA BERITA
8.45 PERUBATAN
9.05 THE DAVID NIXON MAGIC SHOW — David memperkenalkan antara lain, Alfredo, pelawak silap mata dari Switzerland dan kumpolan penyanyi yang popular, The Bachelors.
9.55 HAWAII FIVE "O" — "How To Steal A Submarine" McGarrett perchaya sa-buah kargo narkotik yang besar di-pindahkan sa-chara rahsia dari sa-buah kapal kargo yang menuju ka-Timor Jauh ka-sebuah kapal menangkap ikan Honolulu. Untok menyiasat kes ini, ia menyoal Rafael Orduno, operator kapal itu dan tiga orang anak buah-nya, tanpa mengetahui tentang Orin Morwood, sa-orang pegawai sekolah, yang terlibat dalam kes ini. Kemudian-nya ada pula penemuan sa-orang penyelam skuba yang terbunoh di-pantai menyebabkan McGarrett terpaksa mengejar sa-buah kapal selam.
10.45 SCORPION TALES "Truth or Consequence"
11.35 SIARAN TAMAT.



ALAN Haldane menghadapi lebeh banyak kesulitan2 dari hal2 masa lalu dalam kesah "The Long Shadow", episod seterus-nya dalam WHO PAYS THE FERRYMAN? siri romantik thriller yang mengandongi lapan bahagian, di-tayangkan pada malam ini jam 7.40 malam. Jack Hedley sa-bagai Alan Haldane bersama Betty Arvaniti sa-bagai Annika Zeferis.

## SABTU — 22HB DIS.

**PETANG**

5.15 PEMBUKAAN
5.16 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
5.28 SUSUNAN RANCHANGAN
5.30 KUM KUM — "Catching the Clouds" Kum Kum meranchangkan satu perlumbaan dengan Aron untok menangkap awan. Mereka menuju ka-gunong api untok memudahkan mereka sampai ka-sana. Sekali lagi kedua2 mereka menghadapi kesulitan.
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 CHRISTMAS WITH FRIENDS OF SESAME STREET
6.21 AZAN MAGHRIB
6.25 CHRISTMAS WITH FRIENDS OF SESAME STREET — sambongan
6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

**MALAM**

7.10 DOKUMENTARI MELAYU — "Secret World of Reptiles" Bahagian 2.
7.36 AZAN ISHA
7.40 TARGET — "Set Up" Ternyata Hackett telah mengambil rasuah sa-banyak £10,000, nampak-nya sekarang ia telah memasoki kumpolan penyeludupan immigrant.
8.30 WARTA BERITA
8.45 MAJALLAH BRUNEI
9.05 KAZ — "In A Safe Place" Liputan2 berita banyak mengesahkan tentang kegiatan2 jenayah kumpolan Peguam Daerah ingin mengenakan hukuman dewasa bagi penjenayah2 belasan tahun. Dan, anak muda yang di-bela Kaz mungkin akan di-hantar ka-sekolah membaiki akhlak jika ia di-dapati bersalah.
9.55 BIG LEAGUE SOCCER
10.45 TAYANGAN MALAM MINGGU: "A Man Called Sledge"
12.15 SIARAN TAMAT.

## AHAD — 23HB DIS.

**PETANG**

5.15 PEMBUKAAN
5.16 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
5.28 SUSUNAN RANCHANGAN
5.30 AL-KESAH
5.45 READING WITH LENNY
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 THE GREEN HORNET
6.21 AZAN MAGHRIB
6.25 THE GREEN HORNET — sambongan
6.30 SCIENCE INTERNATIONAL
6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

**MALAM**

7.10 MORK AND MINDY — "Mork's First Christmas" Mork merasa takut dan bingong dalam menghadapi kesebokan meraikan krismas buat pertama kali-nya hingga-lah Mindy menerangkan pada-nya chara sambutan dan pengertian krismas.
7.36 AZAN ISHA
7.40 THE INCREDIBLE HULK — "The Confession" The National Register mengarahkan sa-orang pemberita pelateh untok menolong McGee memburu Hulk, tetapi usaha mereka terganggu oleh sa-orang lelaki yang mengakui diri-nya sa-bagai "alter-ego" raksaksa ini.
8.30 WARTA BERITA
8.45 PUSPARAMA
9.30 BRAVE NEW WORLD — Bahagian 1 Satu lagi ranchangan baru dari satu siri yang mengandongi dua bahagian. Satu pandangan yang mengesahkan mengenai masa depan di-mana penghidupan Utopian tidak-lah sa-indah mana yang di-ranchangkan.
11.00 THE NEXT STEP BEYOND
11.30 SIARAN TAMAT.

## ISNIN — 24HB DIS.

**PETANG**

5.45 PEMBUKAAN
5.46 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
5.58 SUSUNAN RANCHANGAN
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 THE LIFE AND TIMES OF GRIZZLY ADAMS
6.21 AZAN MAGHRIB
6.25 THE LIFE AND TIMES OF GRIZZLY ADAMS — sambongan
6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

**MALAM**

7.10 THE FACTS OF LIFE — "Breathing Point"
7.36 AZAN ISHA
7.40 DONNY AND MARIE CHRISTMAS SPECIAL
8.30 WARTA BERITA
8.45 MAJALLAH BRUNEI
9.05 SOME MOTHERS DO HAVE 'EM
9.55 JOHN DENVER CHRISTMAS SPECIAL
10.40 MORECAMBE AND WISE SHOW
11.30 SIARAN TAMAT.



**DAVID Gates, Edd Byrnes, Shaun Cassidy dan Parker Stevenson (dari kiri ka-kanan) dalam satu adigan misteri yang penoh dengan pergerakan dari "HARDY BOYS MYSTERIES," satu episod yang berjodol "Defection to Paradise". Tayangan-nya pada hari Krismas jam 7.40 malam.**

## SELASA — 25HB DIS.

**PETANG**

3.00 PEMBUKAAN
3.02 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
3.16 SUSUNAN RANCHANGAN
3.18 EMU'S CHRISTMAS SPECIAL
4.08 THE YEAR WITHOUT A SANTA CLAUS
5.08 THE GREAT SANTA CLAUS CAPER
5.35 SPACE SENTINELS
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 VISION ON
6.21 AZAN MAGHRIB
6.25 VISION ON — sambongan
6.30 BATTLE OF THE PLANETS — "Siege of the Squids"
6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

**MALAM**

7.10 SERIKANDI
7.36 AZAN ISHA
7.40 THE HARDY BOYS — "Defection to Paradise" Bahagian 1 Joe dan Frank Hardy berada di-Hawaii, dalam perlumbaan yang membahayakan dengan Russian KGB, untok menchari sa-orang gadis Russia yang jelita siapa yang telah belot dengan bantuan sa-orang ahli kumpolan muzik yang popular, David Gates dan Bread.
8.30 WARTA BERITA
8.45 H.M. THE QUEEN'S CHRISTMAS MESSAGE
9.00 JOHNNY MATHIS CHRISTMAS SPECIAL
9.45 ERIC AND ERNIE'S CHRISTMAS SHOW
10.35 FEATURE: Christmas to remember
12.05 SIARAN TAMAT.



GAMBAR atas menunjokkan kanak-kanak dari kumpolan Bengkel Kanak-kanak RTB telah turut menjayakan Anekaria Kanak-kanak yang telah di-adakan di-Dewan Raya RTB pada hari Jumaat lalu, ketika menjalani latehan.



AWANG Suni Sulaiman, dari Sekolah Inggeris Sufri Bolkiah Tutong, telah memenangi Peraduan Menulis Atikal sempena Minggu Kesihatan, anjoran RTB baru2 ini. Awang Suni Sulaiman, sedang di-temuramah oleh Dayang Zainab Hj Md Taha, sa-orang Pegawai Ranchangan Radio mengenai dengan atikal kemenangan-nya.



MINGGU ini siswazah undangan kami ia-lah Awang Salleh bin Haji Jalil (gambar atas).

Awang Md Salleh lulus dari Central London Polytechnic dalam tahun 1971 dan memperolehi ijazah B.Sc dalam bidang Kejuruteraan Awam. Beliau sekarang memegang jawatan sa-bagai Jurutera Parit dan Taliayer di-Jabatan Kerja Raya.

Temuramah dengan beliau akan dapat awda ikuti pada 21hb Disember, 1979 dan ulangan-nya pada hari Sabtu 22hb Disember jam 1.00 tengahari.



DI-MANA saja achara2 berlaku, di-Bandar atau di-pendalaman, pegawai2 Ranchangan Radio akan pergi menchari bahan untok bahan siaran Radio. Kelihatan dalam gambar ini, Pegawai Ranchangan kita, Dayang Salmah Abd Rahman (memegang micro-phone) sedang menemuramah Ustazah Rohani Pawi, salah sa-orang Jawatan Kuasa PERTIWI Daerah Temburong, mengenai dengan Pameran Hasil Kerja Tangan dan Pakaian Wanita Islam, Sambutan Tahun Hijrah 1400, bertempat di-Dewan Ria Pekan Bangar.



AWANG BAHARUDDIN BIN DATO HAJI TALIP obtained his MSc in Advanced Structural Engineering in 1978 from Southampton University and you can hear more from him in this week's edition of BRUNEI GRADUATES for broadcast on Thursday 20th Dec at 12.45 pm and repeated on Sunday 23rd Dec 1979 at 8.00 pm.

# DUA BUAH LAGI MASJID DI-BUKA RASMI







DUA buah lagi masjid di-buka rasmi pada hari Jumaat lalu — sa-buah di-Daerah Brunei-Muara dan sa-buah di-Daerah Temburong.

Masjid Kampong Kati Mahar (gambar atas) telah di-rasmikan oleh Pengawal Kastam dan Bea, YAM Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz (gambar atas kanan).

Sa-bagai memperingati perasmian masjid tersebut, Yang Amat Mulia telah menanam sa-pohon pokok kelapa di-kawasan masjid tersebut (kiri) dan sa-bagai penghargaan, Yang Amat Mulia di-hadiahkan dengan sa-buah chenderamata (bawah).

Yang Dimuliakan Pehin Datu Maharaja Dato Seri Utama Awang Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz (bawah) telah me-rasmikan masjid Kampong Selangan di-Daerah Temburong.

Masjid2 tersebut ada-lah sa-lah satu rangkaian masjid yang di-rasmikan dalam sambutan memperingati kedatangan tahun Hijrah 1400.

Sejak 21hb Nobember yang lalu, sa-banyak tujoh buah masjid telah di-buka rasmi.



YDM Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Awang Haji Ismail, Timbalan Pengetua Pegawai Ha[illegible] Ehw[illegible] Ugama, Awang Yahya bin Haji Ibrahim dan lain2 para hadhirin hendak menunaikan sembahyang [illegible] Jumaat di-masjid Kampong Selangan. Kadzi Daerah Temburong, Awang Haji Besar bin Abu Bakar (ba[illegible] na'n) membacha Khutbah dan seterus-nya menjadi Imam pada hari itu.







# Majlis Pelancharan Buku Disiplin bagi sekolah2 seluroh negeri







MAJLIS Pelancharan Buku Disiplin bagi sekolah2, maktab2, sekolah teknikal, bangunan dan asrama2 seluroh negeri sempena Sambutan Tahun Hijrah 1400 telah di-adakan di-Masjid Utama Mohd Salleh Temburong, pada hari Khamis 13hb Disember yang lalu.

Majlis yang di-kelolakan oleh Jabatan Pelajaran itu telah di-lancharkan oleh Pengerusi Surohanjaya Pelajaran Brunei, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama Dr Haji Mohd Jamil Al-Sufri. Dan majlis pelancharan itu telah di-sertai oleh sa-ramai 200 orang penuntut di-seluroh negeri Brunei.

Gambar atas menunjokkan Pengarah Pelajaran, Dato Seri Laila Jasa Haji Ahmad bin Haji Jumat menyampaikan sa-naskah buku disiplin kapada YB Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr) Haji Mohd Jamil Al-Sufri.

Atas kiri YB Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama Dr Haji Mohd Jamil Al-Sufri dudok nombor dua dari kanan, Pengarah Pelajaran, Dato Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat (kanan sekali), Pegawai Daerah Temburong, Awang Haji Yaakob bin Haji Ahmad dan Penolong Pegawai Daerah, Awang Ahmad Bukhari bin Pehin Siraja Khatib Haji Abu Hanafiah serta Yang Berhormat Awang Haji Abd Latif bin Abd Hamid ketika hadhir di-majlis pelancharan pada hari itu.

Sementara gambar kiri sa-bahagian dari penuntut2 yang mengikuti majlis pelancharan pada hari itu sedang menerima buku chabutan disiplin yang khas di-keluarkan oleh Jabatan pelajaran.



## Pegawai2 Kanan membacha Khutbah di-masjid2

SA-TIAP Jumaat biasa-nya khutbah2 di-sampaikan oleh imam2, dan pegawai2 kanan Jabatan Hal Ehwal Ugama sa-belum sembahyang Fardhu Jumaat di-mulakan. Tetapi pada Jumaat lepas di-beberapa buah masjid di-Brunei dan Muara berlaku perubahan yang mengkagumkan para jemaah apabila tampil beberapa orang pegawai kanan Kerajaan yang di-luar dari Jabatan Hal Ehwal Ugama telah menyampaikan khutbah Jumaat di-beberapa buah masjid. Kebanyakan para jemaah kurang yakin akan berlaku-nya perkara itu. Mereka bukan kurang yakin tentang kandongan khutbah yang di-sampaikan, tetapi merasakan suatu perubahan besar di-lakukan dalam tradisi menyampaikan khutbah2 dalam hubongan "orang yang biasa-nya menyampaikan". Apabila para jemaah melihat orang yang naik ka-minbar itu asing usol-nya — (bukan imam dan bukan orang dari Jabatan Hal Ehwal Ugama) maka masing2 bertanya atau berbisik di-dalam diri sendiri "siapa?". Memang, siapa pun boleh berkhutbah dan tidak mesti orang2 masjid atau pegawai2 ugama.

Tetapi di-Brunei jarang kedapatan hal yang demikian, kechuali yang pernah membacha khutbah — yang bukan pegawai masjid dan bukan pegawai ugama — ia-lah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan ketika maseh menjadi Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan di-Masjid Omar Ali Saifuddin dan akhir2 ini Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan di-beberapa buah masjid kampong dan surau askar.

Tetapi dalam sa'at ini, mungkin sambutan 1400 tahun hijrah membawa ilham baru dalam mempelabagaikan lagi chara menyemarakkan shi'ar Islam ini, maka Jumaat lepas tampil-lah beberapa orang pegawai kanan Kerajaan membacha khutbah di-masjid2.

Mengepalai barisan pegawai2 kanan Kerajaan untok menyampaikan khutbah di-masjid2 itu ia-lah Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Begawan Pehin Udana Khatib, Dato Seri Paduka Awg Haji Umar yang menyampaikan khutbah di-Masjid Kampong Kilanas.

Pengerusi Majlis Pelajaran Brunei, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja, Dato Seri Utama (Dr.) Awang Haji Md Jamil Al-Sufri menyampaikan khutbah di-Masjid Setia Ali Pekan Muara.

Pesurohjaya Tanah, Awang Haji Mohammad bin Haji Serudin menyampaikan khutbah di-Masjid Kampong Tanah Jambu, Jalan Muara (gambar kiri), manakala khutbah di-Masjid Kampong Sungai Besar di-sampaikan oleh Pemangku Pengawal Kenderaan Darat, Awang Omar bin Haji Serudin.



Y.B. Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr) Haji Mohd Jamil Al-Sufri ketika membacha Khutbah Jumaat di-Masjid Setia Ali, Pekan Muara.





SEMINAR Pendidekan Kanak-kanak di-Brunei yang di-anjorkan oleh Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah, Gadong telah di-langsongkan dan berjalan sa-hari suntok pada hari Isnin, 10hb Disember yang baru lalu.

Seminar tersebut yang di-hadhiri oleh hampir 216 orang peserta yang terdiri dari guru2, pegawai2 dan kaki-tangan jabatan2 Kerajaan dan penuntut2 telah di-rasmikan oleh Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat, Pengarah Pelajaran Brunei bertempat di-dewan kuliah maktab tersebut.

Sa-banyak tiga buah kertas-kerja telah di-peruntokkan untok perbinchangan sa-panjang seminar itu dalam mana peserta seminar juga di-bahagikan kapada tiga kumpolan untok tiap2 kertas-kerja. Di-akhir seminar kira2 jam 4.00 petang peserta seminar telah membuat rumusan kertas-kerja.

Gambar menunjokkan Dato Seri Laila Jasa Awg Hj Ahmad (membelakang kamera) ketika menerima chendera-mata yang berupa ukiran tembaga dan di-sampaikan oleh Pemangku Pengetua Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah, Awang Abd Ghani bin Bujang (berkacha-mata). Dan gambar sa-belah sa-bahagian dari pensharah, guru2 serta peserta yang menyertai seminar berkenaan.

# 386 orang penuntut terima hadiah kepujian Shell

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 386 orang pelajar sekolah2 rendah dan menengah seluroh negeri menerima hadiah kepujian atas kechemerlangan mereka dalam kegiatan2 pelajaran dari Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad tahun ini.

Hadiah2 yang di-sumbangkan oleh sharikat itu ada-lah merupakan sa-batang pena, pingat dan sijil yang telah dan akan di-terima oleh tiap2 sa-orang dari mereka yang berjaya itu.

Dari jumlah itu sa-ramai 320 orang ada-lah terdiri dari pelajar sekolah2 rendah dan 66 orang dari sekolah2 menengah.

Di-Daerah Brunei/Muara sa-ramai 148 orang murid2 sekolah rendah menerima hadiah2 tersebut yang telah di-langsongkan dalam satu majlis di-Sekolah Melayu SUAS, Muara pada pagi 4hb. Disember lepas. Hadiah2 itu telah di-sampaikan oleh Awang Shariff bin Haji Naweh, Penulong Pegawai Perhubongan Shell.

Hari berikut-nya, 5hb. Disember yang lalu, sa-ramai 34 orang murid sekolah2 rendah Daerah Temburong telah menerima hadiah tersebut yang telah di-sampaikan oleh Mejar Awang Hussin bin Haji Mohammad, Pegawai Perhubongan Awam Sharikat tersebut dan berlangsong dalam satu upachara di-Sekolah Melayu Puni.

Sa-ramai 60 orang murid sekolah2 rendah seluroh Daerah Belait telah menerima hadiah2 mereka dari Awang Frederick Teo, Penulong Pegawai Kaki-tangan, Jabatan Peranchang Kaki-tangan Shell dalam satu majlis yang berlangsong di-Sekolah Inggeris Perdana Wazir, Kuala Belait pada pagi 6hb. Disember.

Untok sekolah2 rendah seluroh Daerah Tutong pula, sa-ramai 78 orang murid telah menerima hadiah2 mereka yang telah di-sampaikan di-satu majlis yang berlangsong di-sekolah Melayu Sinaut pada 8hb. Disember lepas.

Hadiah2 kapada mereka itu telah di-sampaikan oleh J.H.J. Groome.

Pada hari Rabu lepas, sa-ramai 66 orang pelajar sekolah2 menengah seluroh negeri menerima hadiah2 kepujian yang sama yang berlangsong di-Kelab Ria Shell (S.R.C.) di-Seria.

Sa-belum majlis penyampaian itu pelajar2 yang terpileh dari 31 buah sekolah2 menengah itu telah di-bawa melawat2 sekitar kegiatan perusahaan sharikat itu dan mengikuti beberapa penerangan mengenai dengan perkembangan sharikat tersebut.

Hadiah2 kapada mereka itu telah di-sampaikan oleh Pengurus Kaki-tangan Sharikat Minyak Shell, Awang M.J. Lavery.



SALAH sa-orang pelajar lelaki yang terpileh untok menerima hadiah berkenaan ketika menerima hadiah tersebut dari Awg M.J. Lavery, Pengurus Kaki-tangan Shell.



MENDENGAR penerangan dari Bahagian Makmal Geoloji Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad bagi sa-kumpolan pelajar2 perempuan dari sekolah2 menengah dan maktab2 kerajaan dan bukan kerajaan saperti yang kelihatan dalam gambar, ada-lah merupakan salah satu ator-chara yang di-berikan kapada mereka oleh Sharikat Minyak Shell sa-belum mereka menerima sa-chara rasmi hadiah kepujian pelajaran tahun 1979.

Lawatan demikian antara lain bertujuan untok mengetahui sa-chara dekat dan lebeh mendalam lagi akan kegiatan dan kerja2 yang di-jalankan oleh pehak sharikat dalam memantuni sumber kekayaan negara kita.

Sementara gambar bawah pula menunjokkan perhatian dan minat yang mendalam dari pelajar2 lelaki ini ketika di-bawa melawat bengkel Sekolah Teknikal Shell.



ntisari RTB minggu ini





THAT Christmasy feeling is here once again! And for the programme Women's World, we have (left) Joy Pascual who'll be singing a Christmas song and accompanying herself on the Ukelele and also in the programme there'll be a brief discussion of Christmasses past and present and how Christmas is celebrated both in the East and West. Airing their views on this topic and in the picture at right (from left to right) are Mrs Raj Wilkinson, Galen Song, Shiela Janardanan, Charan Chand (The Producer), Datin Iris Williams, Mrs Sheilagh Cooper and Paul Bennett. Tune in to the English Service of Radio Brunei for Women's World to be broadcast on Sunday 23rd December at 11.30 am.

OBJECTS related to the Winter and Christmas season, will set the theme for this week's guessing game programme of Two Away For No. And making up the panel will be two husband-and-wife teams, Bill and Jean Jackson, and Jeswinder and Luvleen Gill. Pg Asmalee bin Pg Ahmad, as usual will chair the game. This programme can be heard this Sunday, 23rd December, 1979 at 7.00 pm, and will be repeated on Tuesday 25th December, 1979 at 9.30 pm.





...ard a whoosh overheard, a faint tinkle of bells, and he could have sworn he saw a sleigh fly right above his head drawn by . . . and that is what Awang Stewar Wavell, Programme Production Manager, Radio was demonstrating while telling us his Christ- ...THE LITTLE RED BOX' can be heard on the programme RADIOSCOPE X'MAS EDITION which will go on air on Christmas ...ecember at 8.30 pm. Dayang Ros Wright seated is also giving us her account of 'CHRISTMAS CONTRASTS' on the programme and ...is the Producer, Vivien Chong. Should you miss the first broadcast you can tune in to its repeat on 27th December at 11.00 am.



IF you're lovers of beautiful and soothing music, then join us on Monday evening, 24th December, 1979 at 9.30 pm. The programme is call 'An Evening With Max Hayman' coming your way from the English Service of Radio Brunei.

# Susunan ranchangan MINGGUAN RADIO

## RABU

PAGI: Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 7.05 — Pimpinan illahi; 7.10 — Dendang suria; 8.00 — Majallah sain dan perusahaan (SU); 8.30 — Chitra irama; 9.00 — Dendang antarabangsa; 9.30 — Cherpen dan salokan-nya; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Hiboran selingan; 10.30 — Ruangan muda mudi; 11.00 — Hiboran; 11.30 — Autograph pendengar. **T/HARI**: 12.00 — Ku sampaikan salam — Azan dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Tahu kah awda ?; 1.30 — Sekitar masharakat (SU). **PETANG**: 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.02 — Hiboran/Liputan Express; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Irama di-senja; 6.00 — Tafsir Al-Koran (SU) — Azan fardhu magrib dan bachaan ayat2 suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM**: 7.00 — Permintaan parajurit — Azan fardhu isha; 7.30 — Sekolah ka-sekolah (SU); 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 8.15 — Berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Mengenang zaman silam; 9.00 — Terima-lah sampul surat/Dari bengkel penulis; 9.30 — Usaha jaya; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita; 10.05 — Pimpinan illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## KHAMIS

PAGI: Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 7.05 — Pimpinan illahi; 7.10 — Dendang suria; 8.15 — Rampaian London (SU); 8.30 — Dendang antarabangsa; 9.30 — Varia Peristewa (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Hiboran selingan; 10.30 — Teman mekar (SU); 11.00 — Usaha Jaya (SU); 11.30 — Dari Kampong ka-kampong. **T/HARI**: 12.00 — Selingkar madah — Azan fardhu dzohor; 12.15 — Hiboran rampaian tengah hari; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Kisah dan tauladan; 1.30 — Tunas harapan. **PETANG**: 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.03 — Hiboran/Liputan Express; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Siri mukkadam; 6.00 — Mari berzikir — Azan fardhu magrib, di-ikuti dengan bachaan ayat2 suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM**: 7.00 — Hidayat — Azan fardhu isha; 7.30 — Permainan gambus; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 8.15 Berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Mari berpantun (SU); 9.00 — Sandiwara radio; 9.30 — Tahukah awda? (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita; 10.05 — Pimpinan illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## JUMAAT

PAGI: Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 7.05 — Pimpinan illahi; 7.10 — Dendang suria; 7.45 — Siri mukkadam (SU); 8.00 — Pertanian dan perikanan; 8.30 — Pelajaran dewasa di-udara; 9.00 — Apa pilehan awda; 9.30 — Tafsir Al-Koran; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.10 — Apa pendapat awda; 10.30 — Kursus Al-Koran; 11.00 — Peristewa Dalam Sa-minggu; 11.30 — Tunas Pendidek. **T/HARI**: 12.00 — Permainan gambus; 12.30 — Menunaikan sembahyang fardhu Jumaat siaran langsong dari Masjid Omar Ali Saifuddin; 1.15 — Irama padang pasir; 1.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.45 — Selingan irama. **PETANG**: 2.00 — Untok Belia; 2.30 — Suara dari bintang2; 3.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.10 — Soalan di-udara; 3.30 — Mutika 79 — Azan untok fardhu asar; 4.00 — Suara dari pusat tingkatan enam; 4.30 — Di-bumi bertuah; 5.00 — Hiboran/Liputan Express; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Suntingan Khutbah Jumaat; 6.00 — Irama lagu asli — Azan untok fardhu magrib, di-ikuti dengan bachaan ayat2 suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM**: 7.00 — Cherpen dan Salokan-nya — Azan fardhu isha; 7.30 — Brunei Graduates; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 8.15 — Berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Kisah dan tauladan (SU); 9.00 — Autograph pendengar; 9.30 — Chitrawara; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita; 10.05 — Pimpinan illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## SABTU

PAGI: Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 7.05 — Pimpinan illahi; 7.10 — Dendang suria; 8.00 — Apa pendapat awda (SU); 8.15 — Dendang antarabangsa; 9.30 — Chitrawara (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.10 — Selingan irama; 10.30 — Panorama radio (SU); 11.00 — Majallah shell (SU); 11.30 — Suara dari bintang2 (SU). **T/HARI**: 12.00 — Ku sampaikan salam — Azan fardhu dzohor; 12.30 — Hiboran rampaian tengah hari; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Brunei Graduates (SU); 1.30 — Ruangan Bertutoran. **PETANG**: 2.00 — Kuliah pendidekan sastera; 2.30 — Lagu hiboran; 3.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.15 — Bahas/kuiz ka-sekolah2; 3.45 — Permintaan kaum wanita; 4.30 — Majallah Commonwealth; 5.03 — Hiboran/Liputan Express; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Buloh perindu — Azan maghrib, di-ikuti dengan bachaan ayat2 suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM**: 7.00 — Chitra irama (SU) — Azan isha; 7.30 — Tunas harapan (SU); 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 8.15 — Berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Selingkar madah (SU); 9.00 — Bertuturan; 9.30 — Suara pusat tingkatan enam (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita; 10.05 — Pimpinan illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## AHAD

PAGI: Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 7.05 — Pimpinan illahi; 7.10 — Dendang suria; 8.00 — Mastika radio; 8.30 — Dunia wanita; 9.00 — Keluarga si-awang; 9.30 — Taman mekar; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Surat dari London; 10.30 — Hello Siapa di-sana; 11.00 — Bengkel penulis/Terima sampul surat; 11.30 — Sekolah ka-sekolah. **T/HARI**: 12.00 — Sandiwara radio; 12.15 — Azan fardhu dzohor; 12.30 — Rampaian tengah hari; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Pesta ria/Persembahan pancharagam; 1.45 — Ruangan ketani. **PETANG**: 2.15 — Suara Pulis Diraja; 3.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.10 — Mari Berpantun — Azan asar; 3.46 — Mengenang Zaman Silam; 4.00 — Arena Sokan; 4.30 — Majallah shell; 5.02 — Hiboran/Liputan Express; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Komintar radio; 6.00 — Buloh perindu (SU) — Azan magrib, di-ikuti dengan bachaan ayat2 suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM**: 7.00 — Suara parajurit — Azan isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 8.15 — Berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Sekitar masharakat; 9.00 — Keluarga jaya; 9.30 — Mari berzikir (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.05 — Pimpinan illahi 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## ISNIN

PAGI: Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 7.05 — Pimpinan illahi; 7.10 — Dendang suria; 8.00 — Peristewa dunia minggu ini; 8.30 — Dendang antarabangsa; 9.30 — Sain dan perusahaan; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Berdendang dengan ku; 10.30 — Suara parajurit (SU); 11.30 — Dari jiran tetangga. **T/HARI**: 12.00 — Komintar radio (SU) — Azan dzohor; 12.30 — Hiboran rampaian; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Keluarga jaya (SU); 1.30 — Dendang asli. **PETANG**: 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.03 — Hiboran/Liputan Express; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Irama di-senja — Azan magrib di-ikuti dengan bachaan ayat2 suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM**: 7.00 — Arena sokan (SU) — Azan isha; 7.30 — Keluarga si-awang (SU); 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 8.15 — Berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Tamu minggu ini; 9.00 — Pertanian dan perikanan (SU); 9.30 — Seminggu dalam kenangan; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita; 10.05 — Pimpinan illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## SELASA

PAGI: Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 7.05 — Pimpinan illahi; 7.10 — Dendang suria; 8.00 — Dunia wanita (SU); 8.30 — Varia peristewa; 8.45 — Dendang antarabangsa; 9.45 — Rampaian London; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.05 — Senandong ria; 10.30 — Sa-minggu dalam kenangan (SU); 11.00 — Mastika radio (SU); 11.30 — Pop Science music. **T/HARI**: 12.00 — Ku sampaikan salam — Azan fardhu dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Tamu minggu ini; 1.30 — Pelajaran dewasa di-udara (SU). **PETANG**: 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.02 — Hiboran/Liputan Express; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Persembahan anika instrumental — Azan fardhu magrib, di-ikuti dengan bachaan ayat2 suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM**: 7.00 — Ruangan ketani (SU) — Azan untok fardhu isha; 7.30 — Salam dari ku; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 8.15 — Berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Lambaran Dalam Sa-minggu; 9.00 — Chator (SU); 9.15 — Di-bumi bertuah (SU); 9.45 — Senandong Asli; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita; 10.05 — Pimpinan illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## APA PILEHAN AWDA



PESERTA yang akan mengisikan ranchangan Apa Pilehan Awda minggu ini ia-lah Dk Ralinah bte Pg Damit, No. 117, Kampong Tasek Meradun Jalan Tutong.

Lagu2 pilehan Dk Ralinah akan ka-udara melalui Radio Brunei pada hari Jumaat 21hb Disember, 1979 jam 9.00 pagi.

# RANCHANGAN RADIO BAHAGIAN INGGERIS

## WEDNESDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Lunch Music. **NOON**: 12.00 — Melody Time. **PM**: 12.30 — News; 12.45 — International Money Programme; 1.00 — Brunei's Top Seven by Sheikh Abbas; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — What's Wrong With Me Doctor ? (repeat); 8.15 Midweek Greetings by Jaafar Yaakub; 8.45 — Dateline; 9.15 — 9.45 — Laurindo Almeida and The Bassa Nova Side 1; 10.00 — Close Down.

## THURSDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Thursday's Bandwagon . . . 11.45 — World of Education. **NOON**: 12.00 — My Music. **PM**: 12.30 — News; 12.45 — Brunei Graduate produced by Viviyanti Ali; 1.15 — In Search of the Curious by Jan Ong produced by Veronica Shim; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Theatre Forty-Five "Still Life" by Noel Coward; 8.45 — Those were the days — by Jaafar Yaakob; 9.15 — News; 9.30 — Popular Classics — Programme 8; Symphonies (Romantic) Part 4 by Hajjah Zainah; 10.00 — Close Down.

## FRIDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Rock Line; 11.15 — Inter-School Debates produced by Tajul Ahmad; 11.45 — Light Music From The Netherlands; **NOON**: 12.00 — The Naga King's Daughter — Part 1: The Lost Kingdom of Langkasuka. **PM**: 12.30 — News; 12.45 — My Word; 1.15 — The Practical World; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Inter-School Debates (repeat); 8.30 — Calling On You presented by Sheikh Abbas; 9.15 — News; 9.30 — Dr Finlay's Casebook; 10.00 — Close Down.

## SATURDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — A Hundred Years of Dance Music Programme 12: Kaleidoscope of the Sixties; 11.30 — International Call. **NOON**: 12.00 — Many A Slip. **PM**: 12.30 — News; 12.45 — BBC World Report; 1.00 — Just for Variety produced by Sheikh Abbas; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Saturday Mail Bag presented by Charan Chand; 9.00 — Book Club — Five Round about to heaven by John Bingham episode 7/10; 9.15 — News; 9.30 — Top of The Pops; 10.00 — Close Down.

## SUNDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Children's Half Hour by Veronica Shim; 11.30 — Top of the Pops (repeat). **PM**: 12.30 — News; 12.45 — What's Wrong With Me Doctor ? by Bob Kay; 1.00 — "Two Away For No" by Nafisah Haji Ali; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Brunei Graduate (repeat); 8.30 — Perspective; 8.45 — The Young Sound by Tajul Ahmad; 9.15 — News; 9.30 — Sunday Night Special with Ideris Ali; 10.00 — Close Down.

## MONDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Hello Tomorrow; 11.30 — Music-Go-Round. **NOON**: 12.00 — Dr In the House. **PM**: 12.30 — News; 12.45 — Science Potpourri produced by Charan Chand; 1.15 — H.M.S. Pinafore by Gilbert and Sullivan presented by Krishan Jalie; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — World of Books; 8.30 — Monday's Night Mail presented by Veronica Shim; 9.15 — News (followed by Queen's Christmas Message); 9.30 — An evening with Max Hayman by Jaafar Yaakub; 10.30 — A Christmas Carol 11.30 — The Inexperienced Ghost by H.G. Wells. **MIDNIGHT**: 12.00 — Christmas with the Serunai Singers by Viviyanti Ali. **AM**: 12.30 — Close Down.

## TUESDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Children's Christmas Concert by Veronica Shim. **NOON**: 12.00 — Just A Minute (Christmas edition). **PM**: 12.30 — News; 12.45 — Hello! Merry Christmas! (request by Telephone); 1.45 — Announcers' Special by Sheikh Abbas; 2.30 — The Sound of Christmas; 3.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Stereo Pop Special "XTC"; 8.30 — Radioscope Christmas edition by Viviyanti Ali; 9.15 — News; 9.30 — "Two Away For No" (repeat); 10.00 — Let's Go Disco by Veronica Shim; 10.45 — All our Christmasses; 11.30 — The King's Singers Christmas Concert. **MIDNIGHT**: 12.00 — Close Down.

## CHATOR ASIA BERPASOKAN:

# BRUNEI TEMPAT KE-5 KUMPOLAN "B"

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pasokan Chator Kebangsaan Brunei mendapat tempat nombor lima dalam Kumpolan "B" dipertandingan Chator Asia Berpasokan Kali ke-3 yang telah di-langsongkan di-Republik Singapura, mulai 26hb Nobember hingga 4hb Disember, 1979 yang lalu.

Dalam pertandingan tersebut, Brunei telah menewaskan dua buah negeri ia-itu. Kuwait dan Papua New Guinea.

Tempat pertama dalam Kumpolan "B" di-menangi oleh Bangladesh di-ikuti oleh United Arab Emirates, Malaysia, Jepun, Brunei, dan Papua New Guinea.

Sementara dalam Kumpolan "A" mendapat tempat pertama: Fillipina, di-ikuti oleh China, Indonesia, Australia, Singapura 'A', Hong kong, Thailand dan Sri Langka.

Pemain utama Brunei ia-lah: Awangku Mohd Limbang bin PLW Pengiran Hj Mohd Yusoff, Awang Anthony Chin, Awang Mohammad bin Haji Matahir dan Awang Mohd bin Haji Damit, sementara simpanan ia-lah: Awang Fu Chee Ying dan Awang Abdul Rahman bin Haji Matahir. Tiga orang Pegawai telah mengiringi pasokan Chator Brunei yang di-ketuai oleh Yang Amat Mulia Pengiran Laila Wijaya Pengiran Hj Mohd. Yusoff bin Pengiran Mohd Limbang.

Persatuan Chator Kebangsaan Brunei merupakan kali pertama menyertai pertandingan itu dan di-terima bergabong dengan Persatuan Chator Sa-Dunia (FIDE).

Pertandingan tersebut di-adakan pada tiap2 dua tahun sa-kali. Ia-nya akan di-adakan lagi dalam tahun 1981 nanti, tempat-nya belum di-tetapkan sa-jauh ini. Juruchakap rombongan Persatuan Chator Brunei kapertandingan Chator Asia Berpasokan itu menyatakan rasa bangga-nya melihatkan kegigehan pemain chator Brunei dalam pertandingan tersebut. Kata-nya pemain chator kita sa-makin menunjokkan mutu permainan yang baik dan berseh, baik di-segi teknik dan seumpama-nya. Hanya yang kita sedikit tertinggal ia-lah dari segi langkah permainan dan menyerang yang mana ini ada-lah paling mustahak dalam permainan chator menunjokkan kematangan pemain-nya.

### KEDUDOKAN MATA

Mata2 yang telah di-perolehi menurut kedudokan negeri masing2 ada-lah saperti berikut: Kumpolan 'A' Filippina 22 mata, China 19½ mata, Indonesia 18½ mata, Australia 14 mata, Singapura 'A' 11 mata, Hong Kong 10½ mata, Thailand 9 mata dan Sri Langka 6½ mata.

Kumpulan 'B': Bangladesh 22½ mata, United Arab Emirates 18½ mata. Malaysia 18½ mata, Jepun 12 mata, Brunei 11½ mata, Papua New Guinea 8 mata, Kuwait 1½ mata, dan Singapura 'B' 19½ mata.

PUSINGAN TERAKHIR BAHAGIAN 'A'

| | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 | 7 | 8 | Jumlah Mata |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1. Indonesia | X | 2½ | 3½ | ½ | 3½ | 2½ | 3 | 3 | 18½ |
| 2. Hong Kong | 1½ | X | 2½ | ½ | 1½ | 1½ | 2 | 1 | 10½ |
| 3. Thailand | ½ | 1½ | X | 0 | 3½ | ½ | 1 | 2 | 9 |
| 4. Phillippines | 3½ | 3½ | 4 | X | 3½ | 3 | 2½ | 2 | 22 |
| 5. Sri Lanka | ½ | 2½ | ½ | ½ | X | ½ | 1½ | ½ | 6½ |
| 6. China | 1½ | 2½ | 3½ | 1 | 3½ | X | 4 | 3½ | 19½ |
| 7. Singapore 'A' | 1 | 2 | 3 | 1½ | 2½ | 0 | X | 1 | 11 |
| 8. Australia | 1 | 3 | 1 | 2 | 3½ | ½ | 3 | X | 14 |

RAJAH atas dan bawah menunjokkan mata dalam pertandingan Chator Asia Berpasokan dan negeri2 yang bertanding dalam Kumpolan 'A' dan 'B'.

PUSINGAN TERAKHIR BAHAGIAN 'B'

| | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 | 7 | 8 | Jumlah Mata |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1. United Arab Emirates | X | 3 | 4 | 4 | 2 | 0 | 2½ | 3 | 18½ |
| 2. Brunei | 1 | X | 0 | 3½ | 1 | 1 | 3 | 2 | 11½ |
| 3. Singapore 'B' | 0 | 4 | X | 4 | 2½ | 2 | 4 | 3 | 19½ |
| 4. Kuwait | 0 | ½ | 0 | X | 0 | 0 | 1 | 0 | 1½ |
| 5. Malaysia | 2 | 3 | 1½ | 4 | X | 1½ | 3 | 3½ | 18½ |
| 6. Bangladesh | 4 | 3 | 2 | 4 | 2½ | X | 3½ | 3½ | 22½ |
| 7. Papua New Guinea | 1½ | 1 | 0 | 3 | 1 | ½ | X | 1 | 8 |
| 8. Japan | 1 | 2 | 1 | 4 | ½ | ½ | 3 | X | 12 |





**PASOKAN Brunei, Awang Anthony Chin berhadapan dengan peserta dari Papua New Guinea, yang mana Brunei menang 3—1 (kanan). PASOKAN Brunei tewas di-tangan Filippina dengan 4—0, di-achara pusingan penentuan (Preliminary Round), gambar bawah.**

BELIA DAN SOKAN

# SARAWAK JUARA RAGBI ANTARA TIGA WILAYAH

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pasokan Ragbi Sarawak telah menjadi juara dalam parlawanan ragbi antara tiga wilayah ia-itu Sarawak, Sabah dan Brunei.

Pasokan Sabah mendapat tempat kedua sementara Pasokan Brunei mendapat tempat ketiga.

Gambar memperlihatkan salah sa-orang pemain Ragbi Brunei memegang piala ragbi tempat ketiga sementara gambar bawah ahli2 pasokan ragbi Brunei di-ambil ketika sa-jurus mereka balek ka-tanah ayer, minggu lalu.





# JKBS JOHAN ANTARA JABATAN2 KERAJAAN

BANDAR SERI BEGAWan. — Jabatan Kebajikan, Belia dan Sokan telah munchol sa-bagai johan pertandingan badminton antara jabatan2 Kerajaan baru2 ini. Jabatan tersebut menjadi johan dalam kedua2 pertandingan badminton ia-itu bahagian perseorangan dan bergu.

Dengan kejohanan itu, Jabatan Kebajikan, Belia dan Sokan telah merebut piala yang telah di-hadiahkan oleh Pengarah Pelajaran Brunei, Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat.

Jabatan Kebajikan, Belia dan Sokan menjadi johan sa-telah menewaskan Jabatan Pelajaran dalam pertandingan akhir, yang telah di-langsongkan di-Dewan Sekolah Bangunan Sultan Saiful Rizal, Jalan Muara.

Pertandingan badminton itu telah di-kelolakan oleh Jabatan Pelajaran Brunei.

Tempat kedua (naib johan) sa-buah oskar telah di-hadiahkan oleh sa-orang peniaga tempatan, Pengiran Haji Metussin bin Pengiran Haji Lampoh.

Hadiah kapada pemenang2 hari itu telah di-sampaikan oleh Penyusun Pendidekan Jasmani, Bahagian Jabatan Pelajaran, Awang Haji Hussin bin Zainal.

# Menyertai perlawanan billiard

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-pasokan pemain billiard dari Kelab Ria Brunei, minggu lalu telah berlepas ka-Singapura untok mengadakan perlawanan billiard dengan pasokan Singapura.

Di-ketuai oleh Naib Yang Dipertua kelab tersebut Awg. Ali bin Nordi pasokan billiard dari Brunei itu telah menamatkan perlawanan mereka dengan pasokan Singapura dan Malaysia. Perlawanan itu di-kelolakan oleh Kelab Renang China Singapura.

Di-samping menyertai perlawanan itu, pasokan dari Brunei itu juga mengadakan perlawanan billiard sa-chara persahabatan dengan Kelab Singapura.

# PERASAAN BEBAS SA-BEBAS-NYA BOLEH MEROSAKKAN IMAN SA-ORANG

PEKAN BANGAR, Temburong. — Pengerusi Surohanjaya Pelajaran Brunei, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr) Haji Mohd Jamil Al-Sufri menegaskan bahawa dalam zaman kemajuan sains dan teknoloji kebanyakan manusia telah memikirkan bahawa kebebasan berfikir ada-lah faktor untok menchapai kemajuan dan di-jadikan pendorong penchapaian kesempurnaan hidup.

Oleh kerana tabi'at manusia yang ingin bebas dan terlepas dari apa jua yang menyekat kebebasan mereka tentu-lah pendapat yang sa-demikian ini mudah di-selaraskan dengan kemahuan dan perasaan manusia yang mahukan bebas sa-bebas-nya, lebeh2 lagi mereka yang telah berjaya menchapai kemajuan sa-hingga mereka itu menguasai ilmu pengetahuan yang tinggi maka semakin berkembang-lah pengaroh-nya.

Keadaan ini, jelas Yang Berhormat itu lagi, bukan hanya menambahkan popular-nya pendapat tersebut tetapi juga kelakuan, pakaian dan chara hidup mereka itu pun di-sifatkan sa-bagai satu chontoh yang baik dan orang yang tidak bersefahaman dengan pendapat mereka itu di-anggap sa-bagai ketinggalan zaman.

"Dengan sebab itu-lah orang2 yang tidak berilmu pengetahuan dan kurang penyelidekan terhadap perkara itu akan terus terpengaroh kerana mereka takut di-anggap kolot," kata Yang Berhormat.

Y.B. Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr) Haji Mohd Jamil berkata demikian sa-jurus sa-belum melancharkan Buku2 Disiplin bagi sekolah2, maktab2, sekolah teknikal, bangunan dan asrama2 di-seluroh negeri yang telah di-adakan di-Masjid Utama Mohd Salleh di-sini pada hari Khamis lalu.

Menurut Yang Berhormat perasaan bebas-sa-bebas-nya memang tidak mengenal pupus demi untok mendapatkan kepuasan hati yang lebeh selesa supaya kepuasan yang di-maksudkan itu dapat di-chapai dengan sepenoh-nya untok melepaskan diri dari ikatan atau kongkongan yang di-anggap mereka kolot.

Tetapi, jika di-kaji sehalus2-nya dengan berpandukan ajaran Islam neschaya terdapat bahaya yang tidak di-sedari yang boleh membinasakan iman mereka, kerana kebebasan yang tidak terbatas merupakan perbuatan keterlaluan dan di-luar hukum2 yang telah di-tetapkan oleh Tuhan.

Memandang kapada bahaya bebas sa-bebas-nya boleh mempengarohi keselurohan perengkat manusia tanpa mengira golongan, tambah beliau lagi maka perlu-lah bagi kita untok mengambil perhatian berat untok menggelakan perkara saumpama itu supaya perasaan dan fahaman itu tidak akan berjangkit kapada bangsa kita.

"Dan kalau perasaan bebas sa-bebas-nya itu telah merasok, ujar Yang Berhormat Pehin lagi semua-nya boleh terjadi antara-nya termasok-lah tidak hormat kapada ibu-bapa kerana ibu-bapa selalu membuat tegoran nasihat yang mereka sifatkan sa-bagai penghalang dan berlawanan dengan perasaan mereka yang tidak mahu di-kongkong oleh sesuatu peratoran dengan alasan mereka sudah dewasa.

"Bagi kita umat Islam, oleh kerana hukum yang terkandong dalam pengajaran Islam telah sempurna maka sa-suatu hukum Allah itu tidak perlu di-kaji dengan kehendak manusia melainkan kita pelajari sahaja-lah selok belok-nya untok memahamkan maksud hukum2 itu supaya sa-suatu yang di-tempoh itu dapat di-tentukan hukum-nya; yang mana satu perkara yang di-katakan wajib, sunat, haram, makroh dan harus.

"Oleh kerana kelima2 hukum2 yang di-sebutkan itu tidak boleh di-tukar2 oleh keadaan, maka masaalah kebebasan yang di-chari oleh manusia itu tidak akan timbul, melainkan perkara yang harus sahaja-lah boleh di-bebaskan kapada manusia untok memileh-nya samada perkara itu hendak di-lakukan atau di-tinggalkan".

Walau bagaimana pun, tambah Yang Berhormat itu lagi, pengajaran Islam itu bukan-lah sa-takat di-pelajari selok belok-nya sahaja tetapi yang penting ia-lah di-amalkan sa-bagai satu chara hidup yang utama.

"Ini juga memerlukan pendidekan yang berlatar belakangkan ajaran Islam dan latehan rohani yang berdisiplin bagaimana chara mengenal dan mematohi hukum2 itu supaya dapat di-sesuaikan dengan keadaan rohani dan di-terima dengan tulus ikhlas semata-mata kerana Allah", ujar Yang Berhormat.

"Hidup berdisiplin yang di-maksudkan itu bukan kerana khuatirkan akibat dari perkara yang di-lakukan itu di-dakwa oleh sa-seorang di-suatu mahkamah tetapi yang penting-nya sa-suatu apa jua yang telah di-lakukan itu semua-nya di-dalam pengetahuan Allah s.w.t. samada di-lihat oleh manusia atau tidak sa-tiap yang bersalah itu tidak akan terlepas dari hukum2 Tuhan kechuali ia bertaubat kapada Allah".

Untok mengelakkan bahaya yang timbul dari akibat bebas sa-bebas-nya itu kita perlu menyusun tindakan2 yang akan di-ambil, di-ator langkah2 yang di-jalankan, di-ranchangkan usaha2 yang akan di-laksanakan, di-kaji kegagalan yang telah di-alami, di-atasi segala kesilapan yang telah di-buat dan sebagai-nya supaya bahaya saumpama itu akan terhindar, jelas Yang Berhormat.

Menyentoh mengenai majlis pelancharan Risalah Disiplin Sempena Sambutan Tahun Hijrah itu, Yang Berhormat Pehin Dato Jamil berharap supaya ianya akan dapat mendidek orang2 Brunei khas-nya dan orang2 Islam am-nya menurut ajaran Islam dan hidup sa-bagai bangsa yang berdisiplin, terhindar dari perasaan bebas sa-bebas-nya dan tertanam-lah di-jiwa bangsa kita yang muda remaja yang sedang menuntut di-sekolah2 menengah dan maktab2 di-negeri ini.



YDM Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Awang Haji Ismail membuka tirai papan perasmian sa-bagai menandakan perasmian Masjid Kampong Selangan.

Dari muka 1

*atau memajukan masjid itu-lah orang2 beriman kapada Allah dan kapada hari kemudian (kiamat) dan kapada mereka yang mendirikan sembahyang dan mengeluarkan zakat dan mereka tidak takut melainkan Allah maka mudah2an mereka itu akan menjadi daripada orang2 yang di-beri petunjok".*

Perpaduan dan persaudaraan umat Islam, tambah Datu Seri Maharaja, sangat penting di-hidupkan kerana dengan demikian-lah orang2 Islam akan sentiasa berjaga2 dan berwaspada daripada penchubaan2 musoh Islam yang sentiasa memechah-belahkan umat Islam.

Di-dalam sa-buah kampong jika sembahyang jemaah tidak di-dirikan sa-hingga tidak boleh menunjokkan shi'ar Islam maka semua orang di-kampong itu akan berdosa, jelas-nya lagi.

Maka dengan sebab itu-lah kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia mengambil langkah dengan mendirikan sa-buah masjid bagi menolong umat Islam terhindar dari sa-barang dosa maka terpulang-lah kapada umat Islam di-situ pada menjalankan apa2 yang di-suroh dari segi ugama Islam.

Masjid tersebut ada-lah merupakan masjid yang kedua besar-nya di-Daerah Temburong dan menelan belanja kira2 $40,000.00 yang mana pembenaan-nya telah bermula pada tahun lepas dan telah siap sempurna pada bulan Mei 1979. Ia-nya boleh menampong kira2 200 orang jemaah dalam satu masa dan terletak di-tanah tapak sa-luas 0.53 ekar yang telah di-wakafkan oleh Awang Ludin bin Orang Kaya Ali.

Majlis perasmian masjid tersebut bermula dengan persembahan bachaan ayat suchi Al-Koran oleh Awang Ismail bin Arif.

Sa-lepas sahaja upachara perasmian-nya selamat di-sempurnakan para hadirin telah bersama-sama menunaikan sembahyang Fardhu Jumaat yang di-imamkan oleh Kadzi Daerah Temburong, Awang Haji Besar bin Abu Bakar.

## Peratoran di-buat bukan bererti menyekat kebebasan penuntut

PEKAN BANGAR. — Peratoran dan disiplin yang di-buat di-sekolah2 dan di-maktab2 bukan-lah bererti untok menyekat kebebasan sa-orang murid atau penuntut apa-tah lagi penuntut2 di-sekolah menengah yang menggangap diri mereka sudah dewasa.

Akan tetapi, peratoran ada-lah di-chipta untok kebaikan hidup mereka sendiri dan ia-nya wajib bagi penuntut2 dan murid2 untok menghormati dan mematohi-nya.

Guru2 dan pekerja sekolah, wajib memperchayai bahawa disiplin dan peratoran di-chipta ada-lah untok menolong mereka dalam menjalankan tugas sa-harian di-samping untok membina dan melahirkan sa-buah masharakat yang berdisiplin tinggi.

Ini telah di-tegaskan oleh Pengarah Pelajaran, Dato Seri Laila Jasa Awg Haji Ahmad bin Haji Jumat ketika beruchap di-majlis Pelancharan Buku2 Disiplin bagi Sekolah2 dan Maktab2, Sekolah Teknikal, Bangunan dan Asrama2 di-seluroh negeri yang di-adakan di-Masjid Utama Mohd Salleh di-sini pada hari Khamis lalu. Beliau seterus-nya menekankan bahawa sa-tiap anggota masharakat perlu berkerja-sama untok mendorong supaya perlaksanaan disiplin dan peratoran di-sekolah2 dan di-maktab2 boleh berjalan dengan baik dan lanchar.

"Sekolah2 dan maktab2 sa-bagai sa-buah organisasi dalam masharakat, perlu mengusai peratoran atau garis disiplin yang wajib di-patohi oleh sa-tiap anggota masharakat kerana tanpa peratoran2 itu sa-tiap ahli2 masharakat sekolah itu tidak akan mempunyai tentang apa yang boleh dan apa yang tidak boleh mereka lakukan dengan kata lain mereka tidak tahu langsong sa-takat mana batas2 hidup di-sekolah yang boleh mereka lalui.

"Pengalaman dan sejarah telah memboktikan bahawa disiplin yang baik ada-lah satu2-nya kunchi utama untok menuju ka-arah kejayaan bagi sa-buah organisasi masharakat termasok juga bagi sekolah2 dan maktab2".

Dari itu, tambah Dato Haji Ahmad, pengawasan terhadap perlaksanaan peratoran itu dari murid2 dan penuntut2 sekolah supaya sama-sama menghargai dan mengusai disiplin mereka sendiri.

Dato Haji Ahmad juga berharap dengan kedatangan tahun baru Hijrah 1400 itu sa-tiap anggota masharakat akan dapat melahirkan dan membaharui azam mereka untok mengekalkan dan meninggikan disiplin yang baik samada di-dalam atau pun di-luar sekolah supaya mereka akan benar2 hidup sa-bagai anggota masharakat yang berdisiplin untok menjadi pemimpin keadaan masharakat yang akan datang dan hari esok.

Terdahulu dalam uchapan-nya itu, Dato Haji Ahmad menjelaskan bahawa majlis berkebajikan yang di-adakan pada hari itu ada-lah merupakan salah satu daripada sembilan achara yang di-kelolakan oleh Jabatan Pelajaran bagi menyambut kedatangan tahun Hijrah 1400 bagi perengkat sekolah2 menengah dan maktab2 sa-lama sa-bulan.

Antara lain achara tersebut, tambah Dato Haji Ahmad, ia-lah mengadakan kempen kebersehan bagi sekolah2 menengah dan maktab2, kempen bersongkok dan bertudong kepala bagi murid2 serta guru2 dan kempen dakwah dan disiplin yang di-adakan di-hari tersebut.

Bersempena sambutan Tahun Hijrah 1400 ini, jelas Dato Hj Ahmad, risalah chabutan disiplin sekolah2 telah keluar untok di-jadikan panduan dan untok memberi pengetahuan sa-chara umom berhubong dengan peratoran yang lazim di-jalankan di-sekolah2 menengah dan maktab2 di-negeri Brunei.

Majlis pelancharan buku disiplin bagi sekolah2, maktab2, sekolah teknikal, bangunan serta asrama seluroh negeri itu telah di-lancharkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd Jamil Al-Sufri, Pengerusi Surohanjaya Pelajaran Brunei.

Lebeh daripada dua ratus orang penuntut2 di-seluroh negeri telah tamat dan dalam pelancharan itu sa-tiap orang penuntut telah di-berikan sa-naskah buku chabutan disiplin.

Sa-belum upachara itu di-jalankan para penuntut2 yang menyertai pelancharan itu telah berkesempatan melawat di-sekitar Pekan Bangar, ka-Kampong Sibut, Masjid Selangan dan Masjid Bokok.

## Gunakan kemudahan yg di-sediakan

Dari muka 1

"Sekarang ini Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah menyediakan tempat untok belajar ugama dan mengadakan guru2 ugama di-setiap kampong dan mukim. Oleh itu gunakan-lah dengan sebaik2-nya kesempatan2 dan peluang2 yang di-sediakan oleh kerajaan itu", Yang Amat Mulia menjelaskan.

Bersabda tentang peranan kita untok menyemarakkan shi'ar Islam, Yang Amat Mulia akhir-nya mengingatkan umat Islam seluroh-nya agar menyertai-nya dengan niat yang ikhlas kerana Allah semata2 dan menyeru agar menjauhkan diri daripada segala dosa dan segera bertaubat kapada Allah.

Juga beruchap sa-bagai mengalu2kan perasmian pada hari itu ia-lah Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd Zain bin Haji Seruddin.

Dalam kata alu2an-nya, Yang Berhormat juga telah menyeru umat Islam di-sana supaya memelihara serta menggunakan masjid dengan sebaik2-nya dan juga menggunakan-nya sa-bagai pusat perkembangan ugama Islam.

Masjid, jelas Yang Berhormat itu, ada-lah tempat kita mendekatkan diri kapada Allah s.w.t. di-samping menenangkan jiwa. Ia-nya juga ada-lah tempat kita menyesali akan keterlanjuran2 serta dosa2 yang telah kita buat dalam hidup dan berazam untok tidak mengulangi segala kesalahan yang telah kita lakukan.

"Jadi-nya dalam kita menchari ketenangan jiwa, khas-nya di-saat2 kita sedang menghadapi keadaan2 yang mendesak dan godaan2 shaitan yang terlalu banyak, maka kesempatan2 untok menenangkan fikiran hendak-lah di-gunakan, dan rumah suchi ia-itu masjid ada-lah tempat yang paling sesuai dan paling munasabah, maka ada baik-nya kita manusia ini menginsafi akan keadaan kita, dan mari-lah kita bertaubat dan memohon ampun kapada Allah s.w.t. dan kembali ka-jalan Allah, berjalan di-atas landasan Siratul Mustaqim dengan petunjok Allah dan dengan hati yang ikhlas", Yang Berhormat menasehatkan.

Masjid yang baru di-rasmikan pada hari itu telah di-bena oleh kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-pertuan dengan kerjasama penduduk2 kampong dan mukim2 yang berdekatan. Upachara perasmian itu ada-lah bersempena dengan kedatangan tahun baru 1400 Hijrah.

## Timbulkan perasaan insaf

Dari muka 1

sama menimbulkan perasaan keinsafan demi untok kepentingan diri mereka sendiri.

Terdahulu dalam uchapannya Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan berseru kapada anggota2 bomba yang sedia ada supaya berusaha pada menambahkan kechekapan di-samping ada-nya latehan2 yang di-berikan kapada rekrut2 baru untok mendapatkan kelayakan sa-bagai anggota bomba.

Ini, tambah Yang Berhormat kerana ada-nya keperchayaan orang ramai dan kerajaan bahawa keselamatan harta-benda dan nyawa tertanggong sedikit sa-banyak terhadap kechekapan anggota bomba.

Kerajaan, ujar Yang Berhormat itu sentiasa menimbangkan langkah2 untok menambahkan pegawai dan kaki-tangan pasokan berkenaan serta kelengkapan-nya berdasarkan kapada keadaan dan keperluan yang berbangkit.

"Maka langkah2 kerajaan membesar dan melengkapkan perkhidmatan2 dalam bidang itu ada-lah bertujuan bagi meningkatkan lagi suasana keselamatan di-negeri ini ia-itu supaya raayat pada keselurohan-nya merasakan harta-benda mereka terkawal, jiwa-raga mereka terjamin dan yang terpenting ia-lah peribadi dan penghormatan maruah mereka di-lindongi", kata Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan.

DI-TERBITKAN OLEH BAHAGIAN PENERANGAN, JABATAN SETIA USAHA KERAJAAN DAN DI-CHETAK OLEH JABATAN PERCHETAKAN KERAJAAN BRUNEI.